



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU


**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 24 BILANGAN 5

RABU 31HB. JANUARI, 1979.

رابعو 2 ربيع الاول 1399

PERCHUMA



Setia Usaha Kerajaan, YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menyampaikan sijil kepada Ak Hallid bin Pg Mohammad, salah sa-orang graduan yang menyertai kursus selama lima hari itu.

TENAGA DARI ANAK2 TEMPATAN SANGAT2 DI-PERLUKAN — S.U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah menjelaskan berbagai sudut hal-ehwal pentadbiran Kerajaan kepada 19 orang graduan tempatan yang baru berkhidmat dengan Kerajaan.

Yang Berhormat memberikan penjelasan2 tersebut dalam dialog terbuka dengan para graduan itu dalam majlis penutup kursus pengenalan bagi mereka yang baru berkhidmat yang di-anjarkan oleh Yunit Latehan, Jabatan Perjawatan yang berlangsung di-Pusat Yunit Latehan di-Jalan Kumbang Pasang pada hari Sabtu lepas.

Sa-lepas dialog itu, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan juga telah bermurah hati untuk menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta2 kursus.

Para graduan itu telah mengemukakan beberapa persoalan yang berligar dalam hal-ehwal dasar pentadbiran.

Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan mengharap mereka yang baru berkhidmat itu akan dapat menunjukkan jasa bakti mereka terhadap bangsa

dan negara dengan sumbangan2 perkhidmatan yang berkesan kepada orang ramai.

Mereka juga di-ingatkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ada-lah sangat2 memerlukan tenaga2 yang cekap dari anak2 tempatan sendiri dengan churahan khidmat yang jujur lagi penoh beramanah.

Di-samping mengucapkan selamat berkhidmat kepada orang ramai, mereka juga diperlukan melengkapkan diri menurut perkembangan2 pengetahuan dan dengan yang demikian, ini akan membolehkan khidmat mereka itu dapat di-terima dengan sebaik2-nya oleh masyarakat negeri ini.

Kursus sa-lama lima hari ada-lah kursus yang kedua di-anjarkan oleh Yunit Latehan dalam tahun ini.

Sa-masa kursus, graduan2 itu telah mendengar beberapa cheramah yang di-sampaikan oleh enam orang pegawai kanan Kerajaan.

Turut hadir dalam majlis penutup pada hari itu ia-lah Pengarah Perjawatan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib.

Perbelanjaan sara hidup naik lagi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kenaikan harga barang2 yang tertentu menyebabkan perbelanjaan sara hidup bulanan di-negeri ini meningkat naik sedikit.

Angkujok2 harga makanan bagi bulan Nobember dan Disember yang lalu masing2 me-

nunjokkan sa-banyak 195.79 dan 196.15 berbanding dengan angkujok harga makanan bagi bulan Oktober ia-itu sa-banyak 193.49.

Bagaimanapun, angkujok2 bagi keperluan2 rumah-tangga, keperluan alat solek, minuman dan pakaian untuk kedua2 bulan tersebut berbanding dengan bulan Oktober ada-lah tetap sama.

Siaran Perangkaan Jabatan Setia Usaha Kerajaan menyatakan bahawa dalam bulan Nobember, udang kering dan bawang merah yang bertambah murah telah di-atasi oleh ikan merah, ikan pusu, lada bulat dan kopi serbok yang bertambah mahal.

Tetapi dalam bulan Disember pula, ikan merah, ikan pusu, udang kering, udang galah dan lada kering telah bertambah mahal, sementara sayur2-an ia-itu sawi puteh, kacang panjang, timun dan lada bulat ada-lah lebih murah pada bulan tersebut berbanding dengan bulan sebelum-nya.

Angkujok Sara Hidup bagi bulan Nobember tahun lepas bila di-bandingkan dengan bulan yang sama tahun sebelum-nya ada-lah menunjukkan kenaikan sa-banyak 0.28 mata atau 0.15%, manakala angkujok bagi bulan Disember ada-lah lebih rendah dari angkujok sebelum-nya ia-itu sa-banyak 5.92 mata atau 3.06%.

Bagi seluruh tahun 1978 pu-

rata angkujok harga makanan, keperluan rumah-tangga, keperluan alat solek, minuman dan pakaian ia-lah masing2-nya 196.66; 150.00; 169.69; 136.05 dan 168.55, sementara purata angkujok sara hidup ia-lah 187.65.

Berbanding dengan tahun 1977, purata angkujok harga makanan bagi tahun 1978 telah naik sa-banyak 5.04 mata atau 2.63% menyebabkan kenaikan purata angkujok sara hidup sa-banyak 4.13 mata atau 2.25%.

Kejadian jenayah meningkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Terdapat pertambahan bilangan orang yang di-dapati salah melakukan kesalahan2 dadah dan menyamar telah berlaku tahun lalu. Perangkaan yang baru di-keluarkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei menunjukkan bahawa kesalahan2 di-bawah Undang2 Dadah Berbahaya meningkat dari 13 dalam tahun 1977 kepada 34 tahun lalu.

Dalam sa-tengah tahun kedua tahun lalu lapan kesalahan telah dilakukan di-bawah Undang2 Penyalahgunaan Dadah. Majistret2 mengambil perhatian berat ka-atas kesalahan2 itu di-bawah satu undang2 baru, seperti di-tunjukkan oleh hukuman tiga tahun yang dijatuhkan ka-atas satu kes. Jenayah2 seperti berpura2, menipu dan pechah amanah meningkat kepada 26 berbanding dengan hanya 12 dalam tahun sebelum-nya.

Lihat muka 16



Graduan2 bergambar ramai sa-telah mnamatkan kursus pengenalan yang di-anjarkan oleh Yunit Latehan, Jabatan Perjawatan.



Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

31HB JANUARI, 1979

MENGUJUDKAN TENAGA2 YANG DEDIKASI

INIISIATIF Yunit Latehan, Jabatan Perjawatan dalam mengendalikan beberapa kursus yang khusus untuk pegawai2 dan kaki-tangan Kerajaan di-semua peringkat dari sa-masa ka-sa-masa sa-jauh ini ada-lah suatu usaha yang membena dan bermunafaat dari Kerajaan kepada kaki-tangan-nya yang mana hasil-nya akan dinikmati oleh rakyat dan penduduk negeri ini jua yang sa-bahagian besar urusan hidup mereka saling bergantung kepada Kerajaan.

Jelas-lah dari usaha demikian ada-lah suatu penumpuan Kerajaan pada membimbing para pegawai dan kaki-tangan-nya untuk memiliki kecekapan dan kemahiran yang bermutu tinggi dalam hal pengurusan, pentadbiran dan daya-kerja yang lebih baik dari sa-masa ka-sa-masa sa-jajar dengan perkembangan urustadbir Kerajaan yang sa-makin bertambah. Peningkatan dalam perkara ini bukan-lah suatu yang perlu di-abaiakan oleh kita semua, malah sa-bagai pegawai dan kaki-tangan Kerajaan, kita wajar sa-kali sama bergerak pada menuju matalamat kecekapan tersebut lebih2 lagi dalam saat negara kita untuk mencapai kemerdekaan-nya yang tentu-nya memerlukan tenaga2 pegawai dan kaki-tangan yang benar2 memiliki kemahiran dan dedikasi yang bermutu tinggi itu.

Dalam kita menjengok apa yang perlu kita lakukan dalam mempraktikkan tanggung-jawab sa-bagai tenaga kerja kepada Kerajaan yang tentu-nya akan lebih menchabar keupayaan kita sendiri di-tahun2 akan datang, maka apa yang mungkin sa-belum semua-nya itu datang menimpa dan membebani, ada-lah lebih baik untuk kita dari sekarang bertanya dan menilai apa-kah kecekapan dan kemahiran yang ada pada kita ketika ini akan berkesanggupan menjawat segala beban yang akan kita pikul itu.

Bertanya pada diri sendiri saperti ini dengan sendiri-nya meletakkan diri kita sa-bagai manusia yang sedia menyedari akan kemampuan diri-nya atas segala tanggung-jawab apa yang akan di-terima-nya. Bijakpandai ada mengatakan, jangan jawab apa yang yang engkau tidak tahu, dan buat apa engkau mahir untuk menyempurnakan-nya. Dan dalam firman Allah s.w.t., "Dan jangan-lah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sa-sungguh-nya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anqgota2 itu tetap akan ditanya tentang apa yang di-lakukan-nya" (Surah Al-lsra', ayat 36).

Demikian-lah hasrat yang sudah nyata dari maksud2 kursus itu di-adakan sa-jauh ini betapa ia-nya sa-chara langsung ingin untuk mengelakkan kekechohan dan ketidak-sempurnaan pengurusan Kerajaan kepada orang ramai. Dalam hal ini jika kita balek kembali chatitan harian yang ada pada kita sa-panjang menjalankan tugas2-nya sa-bagai kaki-tangan Kerajaan, betapa di-sana kita akan terserapam dengan tugas2 kita yang kurang sempurna dan perlu di-perbaiki, atau pun kita akan teringat alang-kah pichik-nya kita melaksanakan tugas2 itu kerana saban hari ada2 saja kerja yang sedia menyambut untuk di-selesaikan.

Perkara ini tiada jalan lain untuk kita berusaha mengusai-nya melainkan dengan bertindak mengubah sikap dan menerima unsur2 pembaharuan yang dikehendaki dalam pelaksanaan tugas itu. Kepada mereka yang telah menyertai-nya perlu mengamalkan segala apa yang telah di-perolehi dari kursus tersebut, jangan sampai sa-sudah di-asoh dan di-beri petua2 bekerja yang baik, apabila kembali menjalankan tugas harian di-pejabat, gaya lama bekerja yang tidak efektif masih juga di-amalkan.

Dan baru2 ini kursus pengenalan bagi siswazah yang baharu berkhidmat dengan Kerajaan telah pun di-langsungkan, dan apa yang kita harapkan, oleh2 dari kursus tersebut hanya-lah kecekapan dan dedikasi mereka, hendak-nya akan bertambah-tambah lagi seiring dengan kelulusan tinggi yang ada pada mereka. Kita penuh yakin mereka yang menyertai kursus pengenalan itu ada-lah keseluruhan-nya terdiri dari angkatan muda yang terpelajar, justeru itu sesuai dengan sikap sa-bagai sa-orang muda terpelajar yang begitu gigih kepada segala bentuk kemajuan, maka mudah2an kemajuan yang ada pada mereka samada yang di-perolehi dari amatan mata dan rasa ketika menuntut di-seberang laut atau dari analisa pemikiran yang terpelajar, negara dan bangsa kita akan turut maju dan sentiasa maju.

TEMUDUGA UTK REKRUT PULIS DIRAJA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemuda2 di-Daerah Brunei-Muara yang ingin berkhidmat dalam pasukan Pulis Diraja Brunei ada-lah di-ingatkan bahawa rombongan pengambilan rekrut bagi pasukan itu akan berada di-Balai Pulis Bandar Seri Begawan pada hari Isnin dan Selasa, 5hb dan 6hb Februari. Rombongan tersebut akan menjalankan temuduga mulai jam 8.00 pagi dan 2.00 petang.

Pemuda2 yang mempunyai kelulusan Darjah VI Melayu atau Inggeris yang berumur di-antara 18 hingga 25 tahun, samada bujang atau pun, beristeri serta berbadan tegap adalah di-pelawa untuk menghadiri temuduga itu.

Temuduga2 bagi pemuda2 di-lain2 daerah juga akan di-adakan awal bulan depan.



AWANG Metussin bin Yusof, Penolong Pesuruhjaya Pengakap Daerah Belait (kiri) dan Awang Abdul Hadis bin Tarip, pemimpin Pengakap Sekolah Persediaan Inggeris Seria (AAC) telah kembali sa-telah menghadiri Perhimpunan Pengakap Australia yang berlangsung di-Victoria Park Racecourse, Adelaide.

Perhimpunan sa-lama 10 hari yang bermula dari 29hb

Disember, 1978 hingga 8hb Januari, 1979 itu bertujuan untuk melatich pengakap2 dan pemimpin pengakap venture untuk menjalankan aktiviti2 luar di-samping merapatkan tali persahabatan antara anggota pergerakan pengakap.

Perhimpunan kali kelima itu telah di-hadiri oleh kira2 2,000 orang pengakap dan pemimpin pengakap dari 10 buah negara di-rantau Pasifik.

MAJLIS2 DIKIR

BANDAR SERI BEGAWAN.—Majlis2 dikir dan marhaban sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-seluruh negeri telah di-mulakan pada 29hb yang lalu.

Sambutan yang di-adakan sa-lama 12 malam berturut-turut sa-hingga 9hb depan itu akan juga di-isikan dengan sharahan2 mengenai Maulud.

Sementara itu acara kemunchak sambutan Maulud Nabi ia-lah perarakan2 di-seluruh negeri di-mana beribu-ribu orang di-jangka mengambil bahagian. Di-Daerah2 Brunei-Muara dan Belait perarakan di-langsungkan pada 10hb Februari sementara di-Daerah Tutong dan Temburong di-langsungkan pada 18hb Februari.

Di-Tutong satu majlis berdirik bersempena sambutan Maulud Nabi telah di-mulakan di-Masjid Kampung Keriam di-Daerah Tutong.

Majlis itu akan di-adakan selama dua belas malam berturut-turut bermula pada hari Isnin lalu.

Majlis yang serupa juga akan di-adakan di-masjid2 di-seluruh Daerah Tutong.

Berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. Sa-ramai 40 orang peserta dari lapan buah Kedai Shari-kerjasama di-Daerah Belait telah menyertai kursus lawatan sambil belajar.

Kursus kali ka-empat anjuran Jabatan Kemajuan Kerjasama itu telah di-rasmikan oleh Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Ahmad Wally Skinner dalam satu majlis di-Pusat Belia di-sini pada hari Sabtu.

Sa-masa kursus tiga hari itu, peserta2 telah mendengarkan cheramah2 dan juga melawat, sembilan buah kedai Shari-kerjasama di-Daerah Temburong dan di-Daerah Brunei-Muara.

Kursus pengadil bolasepak tamat

GADONG. — Sa-ramai 17 orang guru latehan jasmani dari seluruh negeri telah menamatkan satu kursus sa-lama sa-minggu mengenai pengadil bolasepak permulaan. Penyampaian sijil2 kepada mereka yang

menyertai kursus itu telah di-adakan di-Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolikiah di-Jalan Gadong pada hari Sabtu lalu.

Pemangku Ketua Peranchang, Kajian dan Bimbi-

ngan, Dayang Misli binte Haji Awang telah menyampaikan sijil2 tersebut.

Kursus tersebut di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Latehan Jasmani.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula pada 25hb Januari 1979.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati) — \$32.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut:—

Ming Thai & Company,
No. 32, Jalan Sultan,
Bandar Seri Begawan.

2. BAWANG MERAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- a) A.M. Mohammad Ali Maricar,
No. 87, Jalan Chevalier,
Bandar Seri Begawan.
- b) Leong Soon Huat,
No. 1, Jalan McArthur,
Bandar Seri Begawan.
- c) Leong Yu Company,
No. 58, Jalan Sultan,
Bandar Seri Begawan.

3. KACHANG TANAH — \$1.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—

Ghee Guan,
No. 4, Jalan McArthur,
Bandar Seri Begawan.

KUALA BELAIT:

1. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati) — \$33.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut:—

Eng Soon Seng,
No. 58, Jalan Pretty,
Kuala Belait.

2. BAWANG MERAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—

Choo Seng,
No. 20, Jalan Pretty,
Kuala Belait.

3. KACHANG TANAH — \$1.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—

Teo Hing Hag,
No. 45, Jalan Pretty,
Kuala Belait.

SERIA:

1. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati) — \$33.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- a) Yuan Ho Hing,
No. 49, Jalan Bunga Kuning,
Seria.
- b) Soon Kheng,
No. 50-B, Jalan Bunga Kuning,
Seria.
- c) Haji C. A. Mohammad,
No. 51, Jalan Bunga Kuning,
Seria.
- d) Chop Kim Huat,
No. 53, Jalan Bunga Kuning,
Seria.
- e) Chop Nam Wah,
No. 64, Jalan Bunga Kuning,
Seria.

2. BAWANG MERAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- a) Hui Guan,
No. 48-B, Jalan Bunga Kuning,
Seria.
- b) Wong Wah Seng Trading,
No. 73, Jalan Bunga Kenanga,
Seria.

3. KACHANG TANAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- a) Chin Siong Hin,
No. 3, Jalan Sultan Omar Ali,
Seria.
- b) Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali,
Seria.
- c) Siong Huat,
No. 40, Jalan Sultan Omar Ali,
Seria.
- d) Haji C. A. Mohammad,
No. 51, Jalan Bunga Kuning,
Seria.
- e) Chop Kim Huat,
No. 53, Jalan Bunga Kuning,
Seria.

FITNAH! Fitnah! Fitnah! Al-Kor'an berkata, erti-nya: "Fitnah itu lebih bahaya dari pembunuhan" (lihat Al-Baqarah ayat 191). Demikianlah di-pehak kafir Quraish terus berusaha menabur fitnah menghasut seluruh Jazirah Arab, bahawa konon-nya Nabi Muhammad dan sahabat2 Baginda melakukan pembunuhan dalam bulan suchi.

Pada permulaan musim gugur tahun kedua hijrah, Abu Sufyan berangkat membawa perdagangan besarnya yang chukup besar, menuju Sham (Syria). Perjalanan ini mau di-sekat oleh orang2 Islam. Tetapi fitnah segera datang memarahkan kemarahan orang2 Quraish. Di-luar kebenaran, sa-orang upahan yang bernama Zamzam bin 'Amr chepat2 pergi ka-Mekah untuk mengerahkan Quraish keluar menolong harta benda mereka, dengan mengkhabarkan bahawa Nabi dan sahabat2 Baginda sedang mengancham.

Setiba-nya di-Mekah, sa-belum kelihatan oleh orang lain, orang upahan itu telah memotong kedua telinga dan hidung untanya, dan di-balekkan-nya pelana-nya. Di-pakai-nya baju yang koyak rabak, sambil berteriak2: "Wahai orang2 Quraish! Harta benda-mu di-tangan Abu Sufyan telah di-sekat oleh Muhammad dan kawan2-nya. Kamu sekalian mesti segera menyusol, perlu pertolongan! Perlu pertolongan!"

Mendengar ini, Abu Jahal tidak membuang masa mengumpolkkan orang2 Quraish. Sebenarnya orang2 Quraish itu sudah tidak perlu di-api2kan lagi, kerana setiap mereka itu mempunyai saham dalam kafilah Abu Sufyan. Jadi bagaimana-kah mereka tidak akan bangkit mendengar harta2 yang di-mileki bersama itu akan di-rampas? Mereka sebenarnya — dari awal2 — memang berniat hendak menumpaskan orang2 Islam, maka dengan perkhantaran ini, mereka mendapat alasan yang kuat untuk mengerahkan tenaga2 perang-nya yang besar dan kuat itu bagi mengajar orang2 Islam.

Perbuatan dan ranchangan orang2 Quraish ini segera di-ketahui oleh Nabi dan kaum Muslimin. Lalu Baginda menugaskan beberapa orang menyiasat

PERANG BADAR UJIAN PERTAMA KETAHANAN MUSLIMIN

kedudukan musuh dan jumlah-nya. Melalui tanda2 yang di-berikan, sa-perti berapa banyak ternakan yang mereka potong sa-tiap hari, ia-itu sembilan atau sa-puluh ekor, maka tahu-lah Nabi bahawa jumlah tentera2 itu antara 900 hingga 1,000 orang semua-nya, suatu jumlah yang sangat besar, berbanding dengan jumlah orang2 Islam hanya kira2 300 orang sahaja.

Jadi sekarang, suasana sudah benar2 berubah. Kaum Muslimin yang terdiri dari kalangan Muhajirin dan Ansar — kini — bukan lagi berhadapan dengan Abu Sufyan bersama kafilah-nya yang berjumlah 30 hingga 40 orang itu, melainkan Mekah dengan seluruh isi-nya yang dipimpin oleh pemuka2 mereka yang mahir dan chekap dalam segala selok-belok peperangan.

Jadi bagaimana? Baginda dan bersama orang2 Islam yang sedikit itu sekarang telah berada di-ambang gelanggang pertempuran, tentu-lah jika hendak berpusing balek, riseko-nya amat burok sekali. Kerana orang2 Yahudi Madinah yang memang-nya menunggu2 angin itu akan mendapat alasan dan peluang memperolok-olokkan pendirian orang Islam, dan ini jika berlaku — tidak shak lagi — ia-nya akan menjadi satu tekanan yang amat berat kepada orang2 Islam kelak.

Tetapi apapun jua yang mau kita katakan, hakikat-nya ada-lah: Terdapat dari kalangan kaum Muslimin yang agak ragu2 dan bahkan takut, memandang keadaan mereka pada masa itu maseh terlalu lemah dan belum mempunyai persiapan2 yang lengkap untuk berhadapan dengan musuh yang besar dan kuat. Ke-

SIRI KE-24

rana itu, segera Baginda Rasulullah mengadakan meshuarat dengan sahabat2. Syedina Abu Bakar dan Syedina Umar juga memberikan pendapat, serta kemudian Miqdad bin 'Amr tampil dengan berkata:

"Wahai Rasulullah! Teruskan saja apa yang telah di-tunjukkan oleh Allah. Kami akan bersama2 tuan. Kami tidak akan mengatakan sebagaimana Banu Israil berkata kepada Musa: 'Pergi-lah kamu bersama Tuhan-mu, dan berperang-lah! Kami disini akan tinggal menunggu.' Tetapi pergi-lah engkau dan Tuhan-mu, dan berperang-lah! Kami bersama2-mu akan turut berjuang."

Mendengar itu, semua orang diam.

Lalu bersabda Rasulullah, erti-nya: "Berikan pandangan kamu masing2 kapada-ku."

Kata2 ini sebenarnya di-tujukan kapada pehak Ansar, yang telah memberikan pengakuan dalam Ikrar 'Aqabah, tentang mereka akan melindungi Nabi saperti juga melindungi sanak saudara mereka sendiri, tetapi tidak termasuk dalam ikrar itu untuk sama2 mengadakan serangan — jika perlu — hingga keluar Madinah.

Hati yang hidup dengan nor hidayah, rupa2-nya memadai dengan sedikit sahaja sindiran itu, lalu chepat faham-nya. Sa-bagai wakil orang2 Ansar, Sa'ad bin Mu'az menoleh kapada Rasulullah sambil berkata: "Agak-nya yang di-maksudkan oleh Rasulullah, ia-lah kami?"

"Ya," menjawab Baginda.

"Kami telah memperchayai Rasul serta membenarkan-nya," kata Sa'ad pula. "Kami juga telah



menyaksikan, bahawa apa yang tuan bawa itu adalah semata2 benar. Dan kamipun telah memberikan janji akan tetap taat dan setia. Maka laksanakan-lah kehendak tuan, kami bersama2. Demi yang telah mengutus tuan, sekiranya tuan bentangkan lautan di-hadapan kami, lalu tuan terjun menyeberangi-nya, kami akan terjun pula, sa-hingga tidak sa-orang yang akan tinggal di-belakang. Kami mahu menghadapi musuh esok juga. Kami akan tabah dan setia dalam pertempuran, semoga Allah akan membuktikan segala2-nya itu, dan akan menyenangkan hati tuan."

Wajah Baginda Rasulullah kelihatan berseri2 mendengar pengakuan Sa'ad itu, seraya bersabda, erti-nya:

"Berangkat-lah, dan gembirakan! Allah telah menjanjikan kapada-ku atas salah satu dari dua golongan (rombongan) itu. Seolah2 kehancuran mereka telah nampak di-hadapan-ku kini."

Pernyataan Nabi itu sebenarnya bersambut dengan Wahyu Ilahi Surah Al-Anfal ayat 7 yang bererti: "Dan ketika Allah menjanjikan kapada kamu bahawa salah satu dari dua golongan musuh itu menjadi kepunyaan kamu (dapat kamu tewaskan), dan kamu ingin supaya yang tidak bersenjata itu untuk kamu. Dan Allah hendak membuktikan kebenaran dengan perkataan-Nya dan akan memotong orang2 yang tidak beriman itu sampai ka-urat-nya."

Dua golongan yang di-sebut oleh Hadith dan ayat Al-Kor'an ini ia-lah saperti di-terangkan awal2 tadi, pertama rombongan (kafilah) pertama Quraish yang balek dari negeri Sham yang berjumlah dari 30 hingga 40 orang, di-ketuai oleh Abu Sufyan dan terlalu banyak membawa barang2 dagangan. Kedua ia-lah angkatan tentera Quraish yang berjumlah 1,000 orang yang lengkap segala persiapan perang-nya. Ayat ini menyindir, bahawa ramai dari kalangan orang2 Islam yang berhajat atau lebih suka untuk menawan rombongan perniagaan dari Sham itu daripada bertembong dengan tentera Quraish. Tetapi kehendak Allah memutar-nya. Tentera

Quraish yang kuat itu mesti ditentang, kerana mereka datang hendak menghanchorkan Islam dan kaum Muslimin. Jika dilihat dari segi jumlah dan peralatan tentera, memang-lah tidak layak meneruskan perang. Jumlah musuh tiga kali ganda lebih ramai. Kalau-lah bukan kerana dorongan iman dan wahyu dari Allah, sudah tentu peperangan itu tidak akan sanggup di-teruskan oleh kaum Muslimin.

Sa-bagai ikhtiar dalam peperangan, tentera2 Islam telah memilih tempat yang ada terdapat mata ayer dan kemudian membuat kolam di-sana, serta menimbus sumur2 yang kering, di-belakang berhampiran dengan pehak musuh. Ini akan memberikan banyak ayer kapada tentera Islam dan tidak kapada musuh.

Sebenarnya bukan sahaja orang2 Islam yang merasa khuatir di-sebabkan ramai-nya musuh2 mereka, tetapi sebalak-nya Mushrikin Quraish juga, terdapat beberapa orang ahli fikir di-dalam kalangan mereka yang takut, kira-nya akan ramai dari pemuka2 Quraish yang ada dalam rombongan itu turut terbunuh, menyebabkan Mekah sendiri kehilangan erti. Tetapi mereka tidak berani bersuara menyuarakan pendapat di-sebabkan maseh takut kapada Abu Jahal, dan juga takut di-tuduh pengecut. Dalam pada itu, ada juga suara2 yang terlepas, saperti 'Utbah bin Rabi'ah yang memberanikan hatinya membantah tindakan-kaum-nya itu. Tetapi segera ditekan oleh Abu Jahal. Ia sama sekali tidak mau membiarkan suara yang demikian itu berulang lagi, lalu kerana itu segera di-dorong-nya supaya pertempuran mesti di-mulakan. Maka melompat-lah Aswad bin Abdul Asad keluar dari barisan Quraish terus meluru katengah2 pasukan Muslimin dengan maksud hendak menghanchorkan kolam ayer yang dibuat oleh orang2 Islam itu. Tetapi pada masa itu juga Syedina Hamzah telah menyambutnya dengan suatu pukulan maut.

Itu-lah dia chetusan pertama PEPERANGAN BADAR yang mashor itu. Choba-lah tuan berhenti dan perhatikan sa-bentar, siapa-kah yang memulakan-nya? Di-mana-kah pehak orang2 Islam? Bukan-kah mereka yang lebih dahulu menerima pukulan dan serangan dari musuh? Dan apa yang di-buat oleh Syedina Hamzah hanyalah semata2 kerana mempertahankan diri dan hak. Tidak lebih dari itu.

Pada siri akan datang, insya Allah, akan di-berikan sedikit gambaran peristiwa Badar itu sehingga-lah Allah memberikan kemenangan yang total kapada Muslimin.

(BERSAMBONG)

CELEBRATIONS TO MARK PROPHET'S BIRTHDAY

BANDAR SERI BEGAWAN. — Celebrations to mark the birthday of Prophet Mohammad began on Monday with a ceremony at the Sultan Omar Ali Saifuddin Mosque here.

Among the items were talks on the life and teachings of the Prophet by religious affairs officials.

The highlight of the celebrations will be processions in all four districts.

The processions will be held in the Brunei Muara and Belait districts on February 10 while in the Temburong and Tutong districts, they will take place on February 18.

Mosque officials in the Brunei Muara District will also hold celebrations that day at the Kampong Panchor Murai Malay School.

The programme will include Koran reading, Nashid, Zikir and hadrah presentations.

Japan hopes existing ties grow stronger

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Japanese Prime Minister, Mr. Masayoshi Ohira last week sent a telegram to the Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dapa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin on the signing earlier this month of the Anglo-Brunei Treaty of Friendship and Co-operation.

In the message, Mr. Ohira expressed the hope that when Brunei has come to participate fully in the life of the international community, both countries would continue to develop and strengthen their existing relations.

Football coaching course

GADONG. — Seventeen physical education teachers throughout the State attended a week-long football coaching course at the Sultan Hassanah Bolkiah Teachers College here

last week.

The course was conducted by officials from the Physical Training Section of the Education Department.

More people embrace Islam last year

BANDAR SERI BEGAWAN. — More people embraced Islam last year than in 1977 according to figures just released by the State Muslim Council.

There were a total of two hundred and fifty-five people of all ages and nationalities who were converted to Islam last year compared to two hundred

and nineteen the previous year.

Most of the conversions took place in the Bandar Seri Begawan area.

Emblem designing contest

GADONG. — The Brunei Road Safety Council is organising a designing contest for an emblem of the council.

The first three winners will be awarded cash prizes of five hundred dollars, two hundred dollars and one hundred dollars respectively.

The contest is open to all Brunei citizens and

A group of twenty women from Kampong Rambai recently visited the Kampong Bang Nukat farm in Mukim Lamunin to see and learn ways of planting vegetables.

The Kampong Bang Nukat farm is run by women in the kampong under the supervision of the Tutong District Agriculture Office.

The picture above shows some of the women with two of the agricultural officers who accompanied them to the farm during the visit.

New roads ready in a couple of years

BANDAR SERI BEGAWAN. — Work on a new highway between Jerudong and Tutong town is expected to begin in a couple of weeks time.

The Government has awarded the tender for its construction to a Filipino firm, R C Gonzalez Incorporation.

The nineteen and a half-mile road will cost more than \$39.6 million and is scheduled to be completed in early 1982.

It will have four lanes, but only two will be surfaced, and nine concrete bridges.

The construction of another main road from Jerudong to Muara costing some twenty-nine million dollars is well in progress.

When completed in 1981, the seventeen-mile road will also have four lanes but only two will be surfaced.

More cargoes, ships last year

MUARA. — Muara Port handled three hundred and seventy-seven thousand tons of cargo last year.

This was an increase of some sixty thousand tons over 1977.

The port authorities who gave these figures also disclosed that four hundred and eighty-nine ships called at the port, compared to four hundred and fifty ships in 1977.

With facilities being added, the authorities are hopeful that the port will do even better this year.

A new transit warehouse and an extension of the present one will be constructed this year.

Library management course

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Language and Literature Bureau is holding a month-long course on library management starting today.

The course will be held at the bureau's premises here and attended by over thirty library assistants from the Education Department and the bureau itself.

The Director of the Bureau, Awang Mahmud bin Haji Bakyr is scheduled to declare open the course this afternoon.

Tutong starts mobile post office service

TUTONG. — The Postal Services Department in the Tutong District will start a mobile post office service tomorrow.

It will be available from Monday to Thursday and

provide a wide range of services which will include the sale of stamps, British postal orders, and the receipt of ordinary as well as registered letters and articles.

Old Persons Home receive donations


SERIA. — The Old Persons Home here received three more donations last week amounting to nearly seven hundred dollars.

The donations were from the Ex-Servicemen's Association and the Ladies Club of the Royal Brunei Malay Regiment, which gave two hundred dollars each, and the Brownies of the Ninth Berakas Pack which contributed two hundred and eighty dollars as well as towels, clothings and food.

The Vice President of the Brunei Girl Guide Association, Datin Simone Butterell handed the money on behalf of the donors to the Home's Secretary, Awang Abdul Salam.

The old folks were also treated to a Chinese New Year dinner given by a businessman here.

During the function they were presented with gifts donated by the Ladies Club of Panaga.



Brunei suffered its second defeat in the Malaysia Cup football tournament after losing to Singapore four goals to nil in their match held at the


Bandar Seri Begawan padang.

For Singapore it was its third straight win in the tournament putting it on top of the

table. Brunei had earlier held Selangor to goalless draw and lost to Sabah five nil.

MANUSIA
MAT RAKUS
MENCHARI
ENEKMATAN

Demikian juga hadith ini mengingatkan, bahwa kelapangan itu sering juga melupakan orang bagaimana ia sa-mesti-nya di-guna-kan. Peratoran dan hukum sembahyang sa-



Di-alam sa-mesta ini, baik manusia, binatang, atau pun barang2 ciptaan manusia, semua-nya berjalan dengan sempurna. Manusia sebok ka-sana ka-mari dengan urusan masing2. Begitu juga dengan binatang, chuma status manusia tinggi sedikit, disebabkan Allah telah membekalkan akal fikiran yang sempurna. Pengorniaan tersebut, bukan-lah untuk di-biarkan begitu saja, tetapi ada-lah untuk di-gunakan untuk berfikir. Jika sa-seorang itu pandai

**GUNAKAN AKAL UTK
KESEMPURNAAN KITA**

Atas 'desakkan' itu-lah membuat manusia senantiasa mengkaji dan membuat berbagai2 perhubungan, khas-nya dalam bidang sains dan teknologi dan perubatan. Sa-bagai hasilnya, dunia hari ini terasa begitu sempit dan terlalu dekat. Betapa tidak-nya, lihat saja di-jalan2-nya, penuh sesak dengan kenderaan beraneka jenis. Sementara laut pula tidak sunyi dengan kapal2. Be-

Begitulah peranan yang telah di-mainkan oleh salah satu korniaian Allah kepada manusia yang di-beri nama akal. Tanpa akal fikiran itu ahli2 chendikiawan tentu tidak akan berjaya untuk melangkah kepada kemajuan. Ini tidak boleh kita sangkalkan. Oleh sebab peranan-nya yang begitu penting ini, kita mesti-lah pandai untuk menjaga dan mempergunakan-nya. Kalau kita chuai dan lalai dalam pengendalian-nya, maka taraf kita sa-bagai makhluk yang paling mulia sa-kali di atas permukaan bumi ini akan jatuh ka-taraf yang sa-ren-dah2-nya.

**Waktu2 sembahyang, imsak
dan matahari terbit**

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 31hb Januari, 1979 hingga kahari Selasa 6hb Februari, 1979 ada-lah saperti dibawah ini : —

<i>Hari</i>						<i>Matahari</i>	
<i>Bulan</i>	<i>Dzuhur</i>	<i>Asar</i>	<i>Magrib</i>	<i>Isha</i>	<i>Imsak</i>	<i>Suboh</i>	<i>Terbit</i>
31hb Jan.	12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21	6.36
1hb Feb.	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36
2hb Feb.	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36
3hb Feb.	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36
4hb Feb.	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36
5hb Feb.	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36
6hb Feb.	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



SALAH satu majlis yang terdapat dalam pengislanan bagi Dayang Siti Aisah bte Abdullah yang baru saja memeluk Agama Islam pada malam Sabtu, 13hb Januari, 1979 yang baru lalu ialah seperti kelihatan dalam gambar ini Dayang Siti Aisah sedang di-ambori dengan beras kunyit ketika di-berikah majlis berzikir untuk-nya. Majlis pengislanan tersebut telah di-lakukan di-rumah Awang Ibrahim bin Jamudin di-Kampung Ujong Bukit, Bandar Seri Begawan. Dayang Siti Aisah telah melafadzkan akad Islam-nya di-hadapan Yang Dimulikan Berawan Pehin Khatib Datu Paduka Haji Moksin bin Khatib Haji Osman.

PERHIRA WATAN



BERKURSUS


PERAJURIT Ak Abd Rahim bin Pg Tahir dan perajurit Matussin bin Hj Serudin pada 14hb Januari lepas telah bertolak ka-Singapura untuk mengikuti kursus Asas Pengurus Senjata Kelas Tiga.

Kursus tersebut yang akan berjalan sa-lama kira2 tiga bulan akan berakhir pada 25hb April depan.

Juga menjalani latihan di-Singapura ia-lah perajurit Buang bin Juma'at bagi kursus Mekanik Kenderaan Kelas Dua. Perajurit Buang akan mengikuti kursus tersebut di-Sekolah Angkatan Tentera Udara Singapura Ayer Gajah dan akan berakhir pada 30hb Jun depan.

Sementara itu perajurit Ra'emi Maleek bin A. Wahab akan menjalani kursus di-Pusat Latihan RAPC, Worthy Dom, Winchester, United Kingdom.

Ra'emi mengikuti kursus itu pada 20hb Januari lalu akan tamat pada 3hb Ogos bagi kursus tukang pembayaran gaji.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah (gambar atas) yang di-beri penghormatan untuk menerima dan memeriksa tabek hormat perbarisan di-upacara itu sedang di-perkenalkan dan bersalaman dengan salah sa-orang pegawai kadet tersebut.

PERBARISAN tamat latihan bagi 15 orang pegawai Kadet Polis Diraja Brunei pada 13hb Januari lepas ada-lah menandakan berjaya-nya mereka menghadapi kursus asas sa-bagai sa-orang Pegawai Kadet Polis sa-lama 32 minggu.

Di-samping menerima pengetahuan2 asas sa-bagai sa-orang anggota polis mereka juga mempelajari seni mempertahankan diri (judo) dan menyelamatkan jiwa.

Dan kini mereka sedang menjalani tugas2 sa-bagai Inspektor Perchubaan di-beberapa balai polis seluruh negeri bagi mendapatkan kemahiran dan pengalaman sa-chara praktikal sa-lama dua sa-tengah tahun. Sa-telah selesai menjalani tugas praktikal ini mereka akan mengikuti dua kali kursus lanjutan dan menghadapi peperiksaan sa-belum di-tetapkan dalam jawatan.

MENADAH tangan ka-hadhrat Allah s.w.t. dengan memohon limpah dan rahmat-Nya di-upacara itu sa-belum acara berjalan lalu dari pegawai2 kadet menyusuli. Kelihatan (gambar kiri atas) tetamu kehormat di-pentas Diraja sedang menadah tangan ketika do'a selamat di-bacakan. Dan gambar bawah barisan pegawai2 kadet yang tamat latihan.

Latihan Tukar Angin

SA-PASOKAN anggota Battalion Kedua AMDB dari Kompeni 'G' pada pertengahan Februari ini akan bertolak ka-Hong Kong untuk menjalani latihan ketenteraan sa-lama dua minggu.

Latihan tersebut yang di-namakan 'Latihan Tukar Angin' akan di-sertai oleh 104 orang anggota yang diketuai oleh Pegawai Memerintah 'G' Kompeni, Kapitan N. Russel. Mereka di-jangka bertolak ka-Hong Kong pada 13hb Februari ini.

Bom Perang Dunia Kedua di-jumpai

SA-BUTIR bom (Shell) yang di-kenali dari kepunyaan tentera Amerika telah di-temui oleh beberapa orang pekerja awam yang sedang membersekan kawasan tanah untuk di-jadikan tapak bangunan tambahan bagi Markas Angkatan Laut Pertama di-Muar.

Bom tersebut yang di-jumpai pada 16hb Januari lepas telah di-musnahkan.

oleh sa-pasokan pemusnah bom dari AMDB pada petang hari itu juga. Ia-nya berukuran panjang empat kaki dan garis lintang empat sa-tengah inchi. Samasa di-letupkan bom tersebut telah membuat lobang sa-dalam enam kaki, lebar empat kaki. Satu serpehan kulit-nya telah terhumban kira2 300 kaki dari tempat ia-nya di-letupkan.

PEMBETULAN TUKAR JAWATAN

MEJAR Pengiran Dato Abidin bin Pg Ahmad dari Chawangan Udara yang sa-belum ini bertugas sa-bagai Pegawai Memerintah Skuadron Pertama Chawangan Udara dan kini memegang tugas baru-nya sa-bagai Timbalan Penolong Ajutan Agong di-Markas Pasokan AMDB.

Saperti yang di-siarkan minggu lalu tem-

pat beliau sa-benarnya di-gantikan oleh Mejar Joklin bin Kumpau pada 2hb Januari. Manakala Kapitan Ibrahim bin Hj Mohammad pula yang merupakan salah sa-orang pemegang OHI di-chawangan itu memegang tugas baru sa-bagai Pegawai Memerintah Penerbangan Jet Ranger.

Sementara itu di-

chawangan itu juga Kapitan Ramli bin Damit yang baru saja pulang ka-tanah ayer pada 22hb Disember, 1978 sa-telah berjaya menjalani kursus mekanik di-Mechanical Engineering Cranwell, UK pada 5hb Januari, 1977 sekarang telah memegang jawatan baru sa-bagai Timbalan Pegawai Jurutera Chawangan Udara.



RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 31HB. JAN.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 STAR TREK — "The Deadly Years"
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.40 STAR TREK — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 THE PAPER CHASE — "Dada"
- 8.00 DR IN CHARGE — "Deep Depression Centred Over St Swithins"
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJALLAH BRUNEI
- 9.15 JEJAK LANGKAH JUNJONGAN - SHOW OF THE WEEK — "Cilla Black"
- 10.30 RUGBY INTERNATIONAL: Scotland vs Wales.
- 12.00 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 1HB. FEB.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 VALLEY OF THE DINOSAURS — "The Big Toothache"
- 6.30 DR WHO — "Revenge of Cybermen"
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 DR WHO — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 THE BIG VALLEY — "Boots with my Father's Name"
- Menjelang sambutan perayaan untuk mengingati Tom Barkley, Victoria, janda-nya, terganggu perasaan-nya oleh hubungan Tom dengan sa-orang wanita beberapa tahun yang lampau.
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 THE BIG VALLEY — sambongan
- 8.00 HIDAYAT
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU



FRANK dan Joe Hardy dalam "The Mystery of the African Safari" episod minggu ini dalam Hardy Boys Mysteries pada hari Selasa 6hb Februari jam 7.10 malam.

Di-sebuah tempat perlindungan binatang2 di-Afrika, Frank dan Joe menyiasat satu kegaitan besar2an memburu sa-chara haram di-mana sa-orang pemburu berkulit putih yang gagah merupakan satu2nya orang yang di-shakki.

- 8.45 DAKWAH ISLAMIAH
- 9.15 DOKUMENTARI MELAYU: Audubon Wildlife Theatre
- 9.45 TAYANGAN FILEM MELAYU
- 11.45 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 2HB. FEB.

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 AL-KESAH
- 5.45 CLOPPA CASTLE — "Time for a Change"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 CHILDREN OF THE STONES — Episod 2 "Circle of Fear"
- 6.30 C. B. BEARS — "Drackenstein's Revenge"
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 C. B. BEARS — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 CHALLENGE OF THE SEXES
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 CHALLENGE OF THE SEXES —
- 8.00 THE DICK EMERY SHOW
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 JEJAK LANGKAH JUNJONGAN
- 9.15 THE DAVID NIXON SHOW
- 10.00 QUINCY — "Crib Job"
- Rosey Grier, sa-bagai bintang undangan dalam siri ini mengenai usaha2 Quincy untuk menolong menyelamatkan projek yang di-dermakan oleh orang ramai yang mana menghadapi bahaya oleh pembunuhan sa-orang lelaki tua.
- 10.50 PERLAWANAN GUSTI.
- 11.50 SIARAN TAMAT.

SABTU - 3HB. FEB.

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 THE LOST ISLAND — "The Confounded Wheels Affair"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 SESAME STREET — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 DALLAS: Episod ke-empat — "Winds of Vengeance"
- Apabila Luther Frick mendapati isteri-nya dan kad perniagaan J. R. Wing di-Waco Motel, ia menyakinkan kawan-nya, Payton Allen, untuk pergi bersama-nya ka-ladang Ewing untuk membalas dendam.
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 DALLAS — sambongan
- 8.00 GURAU SENDA
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJALLAH BRUNEI
- 9.15 JEJAK LANGKAH JUNJONGAN
- 9.45 STARKY AND HUTCH
- 10.35 PREMIER SOCCER
- 11.25 TAYANGAN MALAM SABTU "Song of Norway"
- 12.55 SIARAN TAMAT.

AHAD - 4HB. FEB.

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 CHOMAT DAN CHOMEL — "Warna2"
- 5.45 OSCAR THE RABBIT IN RUBBIDGE
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 HOW
- 6.30 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY — "Father and Son"
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 PROJECT U.F.O.
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 PROJECT U.F.O. — sambongan

- 8.00 DAKWAH ISLAMIAH
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MUTIKA
- 9.45 DRAMA — Red Letter Day "Bag of Yeast"
- Tony Scannell berusia 26 tahun, sa-orang guru sekolah yang sudah bertunang, tetapi ia memutuskan untuk menjadi padri. Bagaimana-kah keputusan-nya ini melibatkan keluarga-nya ada-lah tema drama ini.
- 10.35 THE COLLABORATORS — "Once Upon a Time in Genarro"
- 11.25 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 5HB. FEB.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 MAYA
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 MAYA — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 CHARLIE'S ANGELS — "Angels in Spring Time"
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
- 8.00 SKILFUL SOCCER
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJALLAH BRUNEI
- 9.15 JEJAK LANGKAH JUNJONGAN
- 9.45 HAWAII FIVE O — "Presenting in the Centre Ring . . . Murder"
- Wo Fat, sa-orang pengintip antara-bangsa munchol semula dan di-bawah perlindungan yunit Five O.
- 10.35 WILDE ALLIANCE — "Flower Power"
- 11.25 SIARAN TAMAT.

SELASA - 6HB. FEB.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 SESAME STREET — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES — "The



CILLA Black, penyanyi British yang lincah akan menghibor para peminat-nya pada tiap2 hari Rabu dalam satu siri baru yang mengandungi tujuh buah pertunjukan.


Sa-tiap minggu Cilla akan menyanyi, menari dan menunjukkan bakat2-nya yang agak banyak sa-bagai sa-orang pelawak. Ia akan memperkenalkan ramai tetamu2 terkenal seperti Johnay Mathis, Charles Aznavour, Ronnie Corbett, Sacha Distel — di-antara tetamu2-nya....

Ia juga akan berjalan dan melawat kilang2 dan pejabat2 berbual2 dengan orang2 di-sana, dan sa-siapa sahaja yang mempunyai bakat istimewa — dari menyanyi hingga-lah bermain kad — di-undang untuk memperlihatkannya.

- Mystery of the African Safari"
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES — sambongan
- 8.00 SERIKANDI
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 JEJAK LANGKAH JUNJONGAN
- 9.15 ARENA SOKAN
- 9.55 HORIZON — "The Vision of the Blind"
- Ranchangan dokumentari ini meneliti chara yang terbaru sekali dalam memahami penyakit buta dan orang2 buta.
- 10.45 THE PROFESSIONALS — "Not a Very Civil, Civil Servant."
- 11.35 SIARAN TAMAT.



PELAKUN siri Quincy, Jack Klugman (kiri) sedang mengadakan perbualan yang serious dengan bekas pemain bolasepak Rosey Grier dalam kesah bertajuk "Crib Job" — episod Quincy minggu ini. Ranchangan ini akan di-tayangkan seperti biasa pada hari Jumaat jam 10.00 malam.



PENDENGAR RADIO ITU ADA-LAH ALLADIN

Oleh: Stewart Wavell

KEPUTUSAN Pengetua2 sekolah di-Kuala Belait untuk menyumbangkan ranchangan radio mingguan berjudul 'DARI SEKOLAH KA-SEKOLAH' telah menimbulkan beberapa masalah tentang kerja2 penerbitan ranchangan radio. Ini adalah disebabkan kerana sa-tiap sekolah itu akan bertanggung jawab pada merancang program-nya masing2. Berikut ini saya berikan beberapa chara yang boleh menolong dalam hal tersebut.

1. Ingatlah pendengar radio itu ada-lah Aladin. Dia memanggil Awda menjelma di-radio hanya dengan sa-olah2 seperti menggosok lampu ajaib-nya sahaja. Dengan lain perkataan dia hanya membuka radio-nya sahaja. Jika Awda menyukakan hati-nya atau menarek minat-nya dia akan mendengar, kalau tidak dia akan menutup-nya dan suara Awda tadi pun hilang lenyap.

2. Bagaimana Awda hendak menarek minat-nya? Ada dua chara. Dengan menimbulkan perasaan ingin tahu-nya dan memberikan-nya 'variety' dalam ranchangan Awda itu. Tawarlah hati-nya dengan kata2 pembuka sama ada dengan mengemukakan satu pertanyaan atau memulakan-nya dengan satu cerita yang paling ringkas. Ingatlah bahawa cerita ringkas dan chontoh yang di-kemukakan ada-lah merupakan darah dan nadi bagi radio. Dan 'variety' pula chuba2-lah bertukar2 item atau pokok perbualan. Sa-lepas suara lelaki di-selang dengan suara perempuan atau suara kanak2. Sa-lepas berchakap sedikit tentang masalah peperiksaan, dengarkan sa-buah lagu. Champorkan. Jangan di-biarkan bosan.

3. Bagaimana Awda menyiar-kan-nya? Kadang2 Awda menggunakan skrip dan kadang2 tidak. Terpujanglah kepada Awda. Tetapi ada lebe mudah kalau kita menchatet tiga atau empat perkara2 mustahak dan kemudian bertutor dengan lancar mengalir dari fikiran, kalau tidak boleh begitu lebe baik-lah gunakan skrip. Tetapi jangan lupa bahawa radio itu ada-lah satu 'media' pertuturan bukan bacaan seperti surat khabar merupakan 'media' penulisan. Tulislah skrip Awda dengan chara pertuturan, bukan dengan chara memberi pidato dan jangan pula dengan chara bertutor yang menjemukan sampai tak menarek. Berchakap biasa sahaja.

4. Bagaimana Awda menggunakan mikrofon? Jangan terlalu hampir ka-mulut. Ukor-

an jarak-nya yang paling baik ia-lah kira2 sembilan inci. Tegakkan kepala, dengan yang demikian suara Awda terus ka-dalam mikrofon. Jika Awda membaca skrip pegang ia di-sebelah maik dan pastikan betul2 supaya kertas skrip tidak berbunyi. Sa-tengah2 orang merendahkan kepala dan mulut-nya bila ia membaca skrip dan kerana itu suara mereka bukan terus ka-mikrofon tapi jatuh ka-lantai. Halakan betul2 suara Awda ka-muka mikrofon. Ini ada-lah sangat mustahak untuk mendapatkan mutu rakaman yang baik.

5. Apa tujuan Awda membunt siaran? Tujuan awda ia-lah untuk mendorong sa-suatu kegemaran atau kecenderongan di-mana terdapat berbagai2 kegemaran di-kalangan pelajar2 dan guru2. Awda memberi sumbangan bertukar2 maklumat dan pandangan dengan sekolah2 lain di-Brunei. Buah fikiran yang di-siarkan itu mungkin dapat mendorong mereka dalam kegemaran masing2. Dalam pada itu jika Awda bergembira atau dapat mempelajari sa-suatu daripada mereka, katakanlah begitu. Ini ada-lah dialog antara sekolah2. Awda telah menche-tuskan rasa kegiatan antara satu sama lain.

6. Bagaimana Awda mengadakan temu-ramah? Soalan2 Awda hendaklah ringkas dan terus menikam kepada tujuan. Pertanyaan yang lebe pendek lebe baik. Dengarlah betul2 jawapan yang di-berikan oleh orang yang kita temu-ramah. Kalau dia berkata sa-suatu yang luar biasa, yang di-fikirkan meminta penjelasan lebe jauh terus-lah kemukakan pertanyaan dengan menggunakan perkataan 'bagaimana?' atau 'kenapa?'. Jangan di-tetapkan sekian2 soalan dan sekian2 pula jawapan-nya. Begitu tidak menarek. Ia mesti-lah bersahaja 'natural' dan keluar satu persatu tanpa berfikir2 dan penoh dengan kemeraan. Rakaman suara Awda lebe perlahan (rendah) dan biarkan suara-nya tinggi (kuat). Ini bererti biarlah mikrofon itu lebe dekat kepada mulut-nya daripada mulut Awda. Tetapi janganlah sampai rapat sangat hingga kurang dari sembilan inci.

7. Bagaimana untuk memulakan dan mengakhiri ranchangan? Orang yang menjadi 'Compere' atau juruhebah akan menyebutkan isi kandungan ranchangan itu dengan chara mesra dan menarek ia-lah dengan chara kita bertutor, bukan chara membaca atau

bersharah. Dan sebutkan nama penyumbang2 skrip dan sa-jauh mana peranan-nya di-dalam item itu. Sekali lagi di-ingatkan, jangan berchakap seperti orang berpidato, teknik berchakap di-radio merupakan berchakap antara kawan2. Bila habis sahaja 'item' itu, sebutlah; "Itu-lah tadi Awang Abdullah Ahmad..." umpama-nya. Janganlah Awda sampai berpanjang2 bercheloteh menguchapkan terima kasih, kalau tidak Awda akan terpaksa menguchapkan terima kasih kepada sa-tiap penyumbang tenaga dan para pendengar yang akhir-nya berbak2 berulang2. Ini tentu sahaja membosankan.

8. Berapa lama bagi satu2 'item' itu? Pukul rata lebe kurang tiga atau empat minit. Malah ada sa-tengah2 'item' chukop dengan sa-minit dua sahaja. Dan sajak umpama-nya, chukop dengan 30 sa'at sahaja. Kalau Awda memikirkan sukan ini senang sahaja. Sa-orang peminat tarian 'ballet' sanggup mendengar cheramah mengenai riwayat hidup Tavlora hingga sampai satu jam. Tetapi ada orang yang tidak faham dengan tarian 'ballet' mendengar cheramah dua minit sahaja sudah gelisah.

Awda tidak boleh menduga sa-tiap pendengar suka mendengar semua kandungan ranchangan Awda itu. Kalau sa-orang gadis terpaksa mendengar ulas bola sepak yang dia tidak suka dia akan menutup radio kekhual dia tahu yang sa-bentar lagi akan tiba giliran mengenai permainan badminton. Dengan lain perkataan awda boleh membiarkan dia menunggu kira2 tiga minit tetapi tidak boleh lebe dari itu kalau tidak dia akan menutup radio-nya. Ingatlah, bila jari pendengar sudah dipunat radio ini ada-lah seteru yang paling buruk. Kalau Awda membosankan pendengar, dia akan menutup radio. Maka jadi-lah semua siaran Awda akan di-lupai, dan semua ranchangan berikut-nya tidak akan di-ikuti lagi oleh pendengar itu. Sebalik-nya jika ada perlawanan 'badminton' di-sekolah Awda yang mana beberapa buah sekolah turut mengambil bahagian dan Awda berchadang hendak membuat ulasan selari kira2 dua puluh minit, tumpukan fikirannya kepada pendengar2 Awda bila Awda menyusun ranchangan. Biarkanlah panjang 'item' itu, dan antara dua 'item' yang panjang selitkan 'item' yang pendek. Selang ucapan yang panjang dengan

DENGAN di-alu2kan oleh Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar (di-tengah) maka Awang Stewart Wavell, Pengurus Penerbitan Ranchangan2 Radio, mengemukakan chadangan-nya di-majlis perjumpaan dengan Pengetua dan Pengetua Sekolah2 Menengah, bagi mengadakan ranchangan baru yang di-beri nama 'Dari Sekolah ke-Sekolah'.

Ranchangan mingguan dengan kandungan yang akan mengemukakan kegiatan2 di-sekolah bagi Daerah Belait itu, telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari guru2 yang berkenaan.

musik. Ingatlah memberi 'variety' atau menganeka ragamkan kandungan ranchangan itu ada-lah penting.

Kenapa di-tubuhkan Kelab Radio? Ramai Pengetua2 sekolah di-Brunei telah menyatakan kegembaraan membentuk 'Radio Club' mereka sendiri. Di-RTB kami mengalu2kan-nya kerana ia menggalakkan pelajar2 dan guru2 merasakan yang radio itu kepunyaan mereka dan mereka boleh mempunyai suara untuk mengatakan apa jenis ranchangan yang mereka suka menyiar-kan-nya. Mereka juga bebas mengkeritik ranchangan2 radio dan keritik2 mereka itu akan di-serahkan kepada penerbit2 ranchangan. Keritik2 terhadap ranchangan TV akan di-serahkan kepada Pengurus Penerbitan Ranchangan TV, Awang Harris Watts. Ingatlah, RTB mempunyai banyak peranan-nya. Tugas-nya yang pertama ia-lah untuk memberi hiburan, kalau tidak begitu para pendengar akan menutup radio. Ia juga mesti menyiar-kan berita dan sentiasa memberi tahu orang ramai tentang kemajuan2 dalam negeri. RTB juga mesti menyebarkan 'idea' kerajaan untuk mendapat kerjasama orang ramai, dalam beberapa chara. Akhir-nya lapangan penyiaran ini ada-lah sangat2 mustahak, ia mesti mengadakan dialog antara para kreatif. Di-sini-lah 'Radio Club' munchol di-mana para pelajar akan menyumbangkan ranchangan mingguan berjudul 'DARI SEKOLAH KA-SEKOLAH'.

Melalui kelab2 ini dapatlah nanti di-atorkan lawatan dari Juruhebah/Penerbit RTB ka-Kelab Radio di-Sekolah2.

Dokumentari: Horizon "Vision"

HORIZON membawa bersama elemen2 chara baru dalam menghadapi penyakit buta — kebanyakannya datang dari pendapat2 orang2 buta itu sendiri yang memberi berbagai tunjukchara dalam menghadapi kesulitan2 yang mereka alami.

Di-sa-buah sekolah di-Warwickshire kanak2 buta bermain bola-sepak. Di-California sa-orang lelaki yang telah menjadi buta sejak



SIRI BARU: "Oscar The Rabbit in Rubbidge"

PADA hari Ahad ini jam 5.45 petang, satu siri baru untuk adek2 di-mulakan di-RTB. Watak utama-nya ia-lah Oscar — sa-ekor anab. Ia ada-lah pencherita dalam siri ini. Ia mengeluarkan diri-nya dari tempat tinggal ibu-bapa-nya dan tidak tahu menchari jalan pulang. Ia sa-ekor binatang yang nakal, dapat menchari keseronokan walaupun dalam keadaan2 yang paling merbahaya.

Oscar kini tinggal di-Rubbidge, yang benar2 merupakan sa-buah tempat yang menakjubkan. Rubbidge ada-lah sa-buah tempat di-mana benda2 yang di-buang dari dunia manusia semuanya menjadi hidup. Teko, cherek, juga peti2 talivishen lama, semuanya mempunyai nyawa mereka sendiri.

Banyak watak2 Mithal-nya Zaggy menjadi garang bagaimana! Ia tidak niupkan asap (walaupun berdiri di atas kepala) baik hati — tetapi Sir Feathersqueak kurun pertengahan sana. Ia maseh mengemsa2-nya naga Zaggy, yang enggan Gnashers ada-lah Rubbidge. Ia ada-lah dactyl yang tiba lalu. Ia memiliki dan hasrat utama ia-lah untuk mema dalam periok-nya!



OSCAR the Rabbit dan Zaggy the Dragon, dua daripada watak yang dapat di-saksikan dalam siri baru untuk adek2 "Oscar the Rabbit" pada hari Ahad jam 5.45 petang.

Siri komidi "Dr In Charge"

PADA malam ini, satu siri komidi yang baru bertajok "Dr In Charge" akan munchol di-peti TV awda.

Hampir2 kesemua lakunan di-jalankan di-St Swithin bersama2 Duncan Waring yang be-

kerja sa-bagai Doktor Kanan dalam pembawaan Professor Loft. Siri ini di-mulakan dengan pulangan Duncan sa-telah kan pengajian-nya sahaja di-Amerika, ia membawa kereta besar

di-lahirkan kini melihat melalui sensasi pada permukaan kulit-nya. Di-Utah, Craig menjadi buta sa-puluh tahun yang lalu dan kini melihat tanpa menggunakan apa2 naluri-nya sama sekali. Dr Sam Genensky, yang buta sejak lahir, mengetahui satu bahagian yang membuat rekaan perkakas elektronik Rand Corporation.

Ranchangan ini menjelajahi satu chara baru dalam memahami

penyakit buta dan Mithal-nya ia maseh hawa kechachatan ini ada-lah lebe chubanan dari apa kan, terutama sekali Naluri pendengaran an mereka, beria apa yang kerap ada-lah kurang nya dari kanak2 ya lihat; perkembangan



Ranchangan SERIKANDI minggu ini

TAJOK menarek minggu ini satu petekan filem Transtel bertajuk Kechantekan dan Penjagaan Badan. Apa dia kechante-an? Untuk menjawabnya jangan lupa mengikuti ranchangan ini nanti.

Sudut Tetamu Minggu ini pula kita akan bersama2 Datin Masni untuk mengetahui lebih dekat lagi mengenai kejayaan yang diperolehi beliau baru2 ini, beliau akan di-temuramah oleh Helen.

Akhir sekali pada peminat2 Siri Mari Menjahit kali ini Dy Salihah akan menunjukkan pula chara melukis pattern Kebaya pada kertas, puan2 sediakanlah kertas pattern, pensil dan ukoran2 yang telah di-buat.

Pada puan2 yang tidak sempat menyalin resepi masakan sa-malam, di-bawah ini kami sertakan:—

KEROPOK JEPUN

BAHAN2 NYA

- 5 sudu makan ikan tengiri
- 1 sudu makan gula

- 1 sudu makan (meja) ayer Kee
- 2 botol minyak kacang
- 3 sudu makan (meja) ayer sejok
- 1 biji telur ayam
- 1 sudu teh baking powder
- Sedikit garam, aji-no-moto dan tepung kanji sa-chukup-nya.

CHARA MEMBUAT-NYA

(1) Mula2 ikan di-hiris ambil 5 sudu makan (meja) diparut sedikit dan tarohkan gula pasir, masokkan ayer sejok garam dan aji-no-moto, gaul rata2.

(2) Pukul telur hingga kembang, kemudian tuangkan kadalam adunan ikan tadi dan kachau rata2 berikan ayer Kee dan baking powder, kachaukanlah dan terus berikan tepong gaul rata2 hingga2 ia beku sa-chukup rasa untuk di-gulong kechil2, masokkan ka-dalam minyak yang mana telah disediakan, lepas itu apabila telah penoh kualiti itu angkatlah kualiti itu dan jerangkan kaatas api, apabila telah panas minyaknya itu ia-nya angkat dengan sendiri-nya.

Peringatan:

Ayer Kee ia-lah sa-jenis ayer yang di-gunakan untuk merapohkan keropok.

GRADUAN BRUNEI minggu ini, akan di-penohi oleh Datin Dayang Masni bte Haji Ali, pakar Kaji Bakteria Negara. Beliau ia-lah wanita Brunei yang pertama lulus ijazah Sarjana (Masters) dalam bidang kaji hayat micro perubatan.

Ruangan ***GRADUAN BRUNEI*** akan dapat di-ikuti siaran-nya pada 2hb Februari, 1979 jam 8.30 malam dan siaran ulangan-nya pada 3hb Februari jam 1.00 tengah hari.

Gambar atas kelihatan Datin Dayang Masni (kiri) sedang di-temuramah.

Cheramah2 khas sempena Maulud

JEJAK LANGKAH JUNJONGON ia-lah cheramah TV sekitar peribadi Nabi Muhammad s.a.w. sa-bagai ranchangan khas sempena Maulud tahun ini. Ranchangan 12 siri di-usahakan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, dan antara isi kandungan-nya termasuklah perkara2 yang membicarakan hal berbuat baik kepada ibu bapa, bagaimana rasa hati kita begitu-lah rasa hati orang, takutkan pembalasan Allah, chontoh keadilan dan lain2 lagi. Dua siri telah pun awda saksikan minggu lepas. Dua siri lagi akan dapat awda ikuti pada hari Sabtu dan Ahad ini mulai jam 8.00 malam.

PERTANDINGAN MUTIKA '79 SUKU AKHIR SIRI NO. 5

Tarikh siaran: 4hb Feb. 1979

TUJUH orang peserta akan bertanding dalam bahagian suku akhir MUTIKA '79 kelima. Mereka ada-lah seperti yang AWDA dapat saksikan dalam gambar di-bawah ini. Dua di-antara mereka akan di-tentukan oleh para hakim yang di-lantek untuk memasoki pusingan separoh akhir dan peserta yang ketiga ada-lah pilihan AWDA sendiri.

Di-bawah ini kami sediakan satu petak kosong bagi AWDA memilih siapa-kah PESERTA YANG KETIGA yang layak yang AWDA chalonkan memasoki pusingan separoh akhir nanti. AWDA hanya di-kehendaki membuboh Nombor saja ka-dalam petak yang kosong, dalam Borang di-sediakan, di-bawah.

Pilihan AWDA mesti-lah sampai kepada Penerbit MUTIKA '79 tidak lewat dari hari Sabtu 10hb Februari, 1979 jam 3.00 petang.



1. Dk Alimah Pg Md Said



2. Ak Osman Pg Damit



3. Zarinah Omar



4. Morni Awang Damit



5. B. M. Taha



6. Haslinda Md Taib



7. Mohd Sapami Abdullah

POTONG DI-SINI

PENERBIT MUTIKA '79
RADIO TALIVISHEN BRUNEI,
BANDAR SERI BEGAWAN,
BRUNEI.

MUTIKA '79 SUKU AKHIR
SIRI No: 5

Saya (Nama penoh): I/C No:

Alamat penoh:
memilih peserta yang di-nyatakan dalam petak sa-bagai chalon yang ketiga untuk memasoki ka-pusingan separoh akhir.

NO:

Tarikh:

Tanda tangan,

"Song of Norway" tayangan gambar minggu ini

TAYANGAN gambar minggu ini ada-lah sa-buah muzikal yang dipadankan dari penghidupan Edvard Grieg, penchip-ta lagu berbangsa Norway yang terkenal.

Penchipta muda ini sangat2 memerlukan bantuan untuk meneruskan pelajaran-nya di-Rome. Ia mempunyai hubungan yang sangat mesra dengan Therese Berg, sa-orang gadis Sweden yang jelita. Bagaimana pun Therese bersetu-

ju untuk menghentikan pertemuan dengan Grieg sebagai balasan kerana bapa-nya membiayai satu persembahan konsert untuk Grieg. Persembahan konsert ini ada-lah satu kejayaan dan Grieg pun memulakan pengembaraan2-nya.

Ia menemui banvak orang2 yang menarek dan kerjaya muzikal-nya berkembang maju — tetapi dapat-kah ia melihat negerinya dan mereka yang menchintai-nya semula?

charge"

2 orang Amerika — kedua2-nya akan memberi apa2 kesan pada ram2-nya di-St Swithin seperti yang harap2kan-nya!

Pastikanlah awda menyaksikan ranchangan pertama dengan tajok Deep Depression Centred Over St Swithin's".

Blind"

ka ada-lah juga di-kurangi oleh chachatan mereka. Tetapi walaupun ia mempunyai berbagai kekurangan dan sunggohpun ia na maseh merupakan kechachatan yang merawankan hati, na dan penyakit buta ini kerap kali sepat di-atasi.

Ranchangan ini akan dapat di-saksikan pada hari Selasa jam 9.55 malam.

Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Majallah sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra irama; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan salokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Ruangan muda mudi; 11.30 — Autograph pendengar. **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu kah awda?; 1.30 — Sekitar masharakat (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan fardhu magrib dan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Permintaan parajurit — Azan fardhu isha; 7.30 — Hiboran pilehan; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mengenang zaman silam; 9.00 — Terima-lah sampul surat/Dari bengkel penulis; 9.30 — Usaha jaya; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.15 — Rampaian London (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Varia Peristewa (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Teman mekar (SU); 11.00 — Usaha Jaya (SU); 11.30 — Rampaian irama. **T/HARI:** 12.00 — Selingkar madah — Azan fardhu dzohor; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Kisah dan tauladan; 1.30 — Tunas harapan. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukadam; 6.00 — Mari berzikir — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Hidayat — Azan fardhu isha; 7.30 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara radio; 9.30 — Tahukah awda? (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

JUMAAT

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 7.45

APA PILEHAN AWDA



AWANG Jumat bin Mohd Tamin, No. 36, Kampong Kiudang, Tutong mendapat giliran untuk memilih lagu dalam ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini. Dalam ranchangan yang akan kadara melalui Radio Brunei pada hari Jumaat 2hb Februari jam 9.00 pagi itu, Awang Jumat akan memilih tujuh buah lagu kegemaran-nya.

Siaran ulangan ranchangan itu akan dapat di-ikuti pada hari Sabtu jam 9.30 pagi.

— Siri mukadam (SU); 8.00 — Pertanian dan perikanan; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Mengenang Zaman Silam; 11.30 — Hidayat (SU). **T/HARI:** 12.00 — Permainan gambus; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat siaran langsung dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama. **PETANG:** 2.00 — Untok Belia; 2.30 — Suara dari bintang2; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Soalan di-udara; 3.30 — Mutika 79 — Azan untok fardhu asar; 4.00 — Suara dari pusat tingkatan enam; 4.30 — Di-bumi bertuah; 5.00 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Irama lagu asli — Azan untok fardhu magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan Salokan-nya — Azan fardhu isha; 7.30 — Brunei Graduates; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Kisah dan tauladan (SU); 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Chitrawara; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SABTU

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Chitrawara (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Panorama radio (SU); 11.00 — Majallah shell (SU); 11.30 — Suara dari bintang2 (SU). **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Brunei Graduates (SU); 1.30 — Untok semingg. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh perindu — Azan magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran;

6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Chitra irama (SU) — Azan isha; 7.30 — Tunas harapan (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar madah (SU); 9.00 — Bertuturan; 9.30 — Suara pusat tingkatan enam (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

AHAD

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Mastika radio; 8.30 — Dunia wanita; 9.00 — Keluarga si-awang; 9.30 — Taman mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Mari berpantun; 11.00 — Bengkel penulis/Terima sampul surat; 11.30 — Hello siapa di-sana. **T/HARI:** 12.00 — Sandiwara radio; 12.15 — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria/Persembahan pancharagam; 1.45 — Ruangan ketani. **PETANG:** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Ruangan bertuturan (SU) — Azan asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Majallah shell; 5.00 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Komintar radio; 6.00 — Buloh perindu (SU) — Azan magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Suara parajurit — Azan isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sekitar masharakat; 9.00 — Keluarga jaya; 9.30 — Mari berzikir (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan illahi 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Peristewa dunia minggu ini; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusa-

haan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Dari jiran tetangga. **T/HARI:** 12.00 — Komintar radio (SU) — Azan dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Dendang asli. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja — Azan magrib di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Arena sokan (SU) — Azan isha; 7.30 — Keluarga si-awang (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Tamu minggu ini; 9.00 — Pertanian dan perikanan (SU); 9.30 — Seminggu dalam kenangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SELASA

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Varia peristewa; 8.45 — Dendang antarabangsa; 9.45 — Rampaian London; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Senandung ria; 10.30 — Sa-minggu dalam kenangan (SU); 11.00 — Mastika radio (SU); 11.30 — Pop Science music. **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu minggu ini; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan anika instrumental — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Ruangan ketani (SU) — Azan untok fardhu isha; 7.30 — Salam dari ku; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Di-bumi bertuah (SU); 9.45 — Senandung Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGERIS

WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News followed by market prices; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON:** 12.00 — Melody Time (repeat). **PM:** 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — John Fox presents: The John Fox Orchestra and Singers; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — Hot Questions — Cool Replies (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Close Down.**

THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon . . . we invite you to hop abroad our non-stop musical express; 11.45 — World of Education; NOON:** 12.00 — My Word. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Behind the news produced by Jaafar Yaakub; 1.15 — Rock Line; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — The Young Sound with Tajul Ahmad; 8.30 — Radioscope (repeat); 9.00 — What's Wrong with Me Doctor by Shirley Don; 9.15 — News; 9.30 — Before we say goodnight by Ak. Hishamuddin Pg Yaakub; 10.00 — Close Down.**

FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News followed by market prices; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close

Down. 11.00 — Opening Announcement — Calling On You presented by Sheikh Abas. NOON: 12.00 — Radioscope produced by Vivianty Ali. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo produced by Shirley Don; 1.00 — Writers' Workshop — compiled and produced by Charan Chand; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — Just A Minute; 8.30 — Barbara Streisand and Kris Kristofferson — Live; 9.00 — Light Music From The Netherlands; 9.15 — News; 9.3 — BBC World Report; 9.45 — A Date with Billy Joel; 10.00 — Close Down.**

SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — The Price of Fear (repeat); 11.30 — International Call. NOON:** 12.00 — Stringsound. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Door to Opportunity by Jaafar Yaakub (repeat); 1.00 — Just for Variety produced by Sheikh Abas; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — The Singing Bamboo by Shirley Don (repeat); 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.15 — News; 9.30 — Top of the Pops; 10.00 — Close Down.**

SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — Children's Half-Hour produced by Veronica Shim; 11.30 — Women's World produced by Charan Chand. NOON:** 12.00 — Top of The Pops (repeat). **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Hot Questions — Cool Replies produced by Nafisah Haji Ali; 1.00 —

The Musical Diary compiled and produced by Nafisah Haji Ali; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — 83rd Season of Henry Wood Promenade Concert; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Behind the News (repeat); 10.00 — Close Down.**

MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News followed by market prices; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round — an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure; 11.45 — Perspective. NOON:** 12.00 — Dad's Army. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Science Pop produced by Shirley Don; 1.15 — Door to Opportunity produced by Jaafar Yaakub; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — Higher and Faster; 8.15 — Monday's Night Mail presented by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — Thirty-Minute Theatre: The Squad; 10.00 — Close Down.**

TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — International Sports Magazine. NOON:** 12.30 — 'A-Pickin and A-Grinnin' — The History of Country Music. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong with Me Doctor by Shirley Don (repeat); 1.00 — Hello Tomorrow; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special featuring "Gentle Giant" Part 2; 8.30 — Forum produced by Vivianty Ali; 9.00 — Agriculture — Key To Living; 9.15 — News; 9.30 — Hits In Germany; 10.00 — Close Down.**

JADUAL LAWATAN POS BERGERAK DAERAH TUTONG

BERIKUT ini ia-lah jadual yang menunjukkan perjalanan dan tempat2 persinggahan bagi Pejabat Pos Bergerak, Jabatan Perkhidmatan Pos, Tutong yang akan bermula pada 1hb Februari, 1979.

Pada kelaziman-nya Pejabat Pos Bergerak ini akan berada di-tiap2 satu kawasan itu hanya sa-lama 10 minit untuk menjual sistem2, wang2-pos British, menerima surat2 berdaftar, benda2 pos seperti surat2 udara, sarong2 surat berdaftar, peti2 surat untuk rumah2 sendirian dan lain2.

Kawasan2 yang di-lawati itu ada-lah mengikut ka-pada susunan tempat2 yang ada di-dalam jadual di-bawah dan seboleh2-nya masa lawatan bagi tiap2 satu tempat itu akan di-samakan bagi tiap2 kali lawatan seperti masa2 yang dahulu-nya kechuali ada apa2 rintangan yang boleh mengganggu atau mem-batalkan satu2 lawatan itu yang terkeluar dari kuasa Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei.

ISNIN DAN RABU

Pagi	Jam
Lubok Pulau, depan Rumah Ketua Lubok Pulau, depan Sekolah Tanjong Maya, depan Sekolah Sabakit depan Rumah Ketua	8.15- 8.45
Penapar, depan Rumah Ketua Penapar, depan Sekolah Ukong depan Rumah Penghulu Ukong depan Sekolah Pengkalan Raan depan Kedai P.L. Hoe	9.15-10.00
Rambai depan Rumah Mdr. Thomas K. Ungar depan Rumah Ketua Pamadang depan Sekolah Bukit Udai depan Sekolah Bukit Udai depan Rumah Ketua Bukit Bruang depan Sekolah	10.30-11.45

Petang	Jam
Penchong depan Rumah Ketua Penchong depan Sekolah Benutan depan Sekolah Benutan depan Rumah Ketua	2.00- 3.00

SELASA DAN KHAMIS

Pagi	Jam
Bt. Penggal depan Sekolah Bt. Penggal depan Rumah Ketua Luagan Dudok depan Rumah Ketua Senaut depan Pejabat Pertanian Senaut depan Sekolah	8.00- 8.30
Birau depan Pejabat Pertanian Birau depan Sekolah Birau depan Rumah Ketua	9.00- 9.20
Bakiau depan Rumah Ketua Bakiau depan Sekolah Btg. Mitus depan Sekolah Btg. Mitus depan Rumah Ketua Kiudang depan Sekolah Kiudang depan Rumah Penghulu Pad. Nunok depan Rumah Ketua	9.50-10.30
Lamunin depan Rumah Ketua Lamunin depan Sekolah Menengah depan Sekolah Menengah depan Rumah Ketua Layong depan Rumah Penghulu Layong depan JKR Ayer Layong depan Sekolah	10.45-11.30



Majlis Keselamatan J-roya anjorkan peraduan mereka lambang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Keselamatan Jalanraya Negeri Brunei akan menganjorkan peraduan mereka lambang Majlis tersebut.

Peraduan ini terbuka kepada semua rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Hadih2 wang tunai akan di-berikan kepada pemenang2 pertama, kedua dan ketiga. Pemenang pertama akan menerima hadiah sa-banyak \$500.00; kedua \$200.00 dan ketiga \$100.00.

Peserta2 yang ingin menyertai peraduan ini boleh-lah mendapatkan borang penyertaan dari Setia

Usaha, Majlis Keselamatan Jalanraya Negeri Brunei di-Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Gadong.

Semua rekaan hendaklah sampai kepada Setia Usaha Majlis itu tidak lewat dari 1hb Mach, 1979.

Hadih2 wang tunai akan di-berikan kepada pemenang2 pertama, kedua dan ketiga. Pemenang pertama akan menerima hadiah sa-banyak \$500.00; kedua \$200.00 dan ketiga \$100.00.

Peserta2 yang ingin menyertai peraduan ini boleh-lah mendapatkan borang penyertaan dari Setia

Baharui lesen anjing

KUALA BELAIT. — Anjing2 di-kawasan Kuala Belait dan Seria yang tidak mempunyai lesen bagi tahun 1979 ini akan di-musnahkan sa-lepas 31hb Mach, 1979.

Dalam satu kenyataan, Setia Usaha Lembaga Bandaran Kuala Belait, Awg Bahar bin Yahya mengingatkan tuan2 yang mempunyai anjing supaya mem-baharui lesen2 anjing mereka sa-belum tempoh tersebut.

Lesen2 anjing bagi tahun 1979 sekarang boleh di-dapati dari Pejabat Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria pada tiap2 hari bekerja tidak lewat dari jam 2.30 petang.

Lesen2 bagi anjing jantan ia-lah \$3.00 dan anjing betina sa-banyak \$5.00.

Lawatan muhibbah belia2 Sipitang ka-sini

PEKAN BANGAR. — Satu rombongan sa-ramai 50 orang belia2 dan belia-wanis2 serta kakitangan2 Jabatan Kerajaan Sipitang akan mengadakan lawatan ka-Daerah Temburong pada 3hb Februari ini.

Lawatan tersebut adalah sa-bagai balasan bagi lawatan yang telah di-lakukan oleh belia Daerah Temburong awal tahun lalu yang akan menjadi tuan rumah semasa mereka berada di-sini.

Semasa lawatan singkat itu mereka di-jangka akan mengadakan beberapa perlawanan sokan seperti bola sepak, sepak raga, bulu tangkis dan bola tampar dengan pasokan2 tempatan di-daerah ini.

Pelawat2 dari Sipitang itu akan meneruskan lawatan mereka ka-ibu negeri, Bandar Seri Begawan pada ke-esokan hari-nya.

SA-RAMAI 20 orang peladang wanita dari Kampung Rambai, Daerah Tutong telah mengadakan lawatan ka-tanaman sayur-sayuran di-Kampung Bang Nukat, Mukim Lamunin, yang di-kelolakan oleh Bahagian Perusahaan Kampung, Jabatan Pertanian Daerah Tutong baru2 ini.

Gambar atas kelihatan sa-bahagian dari peladang2 wanita itu ketika menyaksikan tiga orang peladang wanita Kampung Bang Nukat bagaimana membuat batas untuk menanam sayur-sayuran.

Turut hadir dalam lawatan itu ia-lah Penolong Pegawai Pertanian Daerah Tutong, Awang Salleh bin Omar; Pembantu Pertanian Kanan, Awang Othman bin Uking dan Pegawai2 Luar Pengambilan di-Daerah Tutong.

Kemalangan jalan-roya meningkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bilangan kemalangan jalanraya di-negeri ini dalam tahun 1978 telah bertambah sa-banyak 200 dari tahun 1977.

Perangkaan yang telah di-kemukakan kepada Majlis Keselamatan Jalanraya pada minggu lalu menunjukkan terdapat 1,621 kemalangan berbanding dengan 1,396 dalam tahun 1977.

Kematian akibat kemalangan jalanraya bagaimana pun turun dari 50 dalam tahun 1977 kepada 33 orang pada tahun lalu.

Sementara itu, bilangan kenderaan yang di-daftar di-negeri ini dalam tahun 1978 kurang dari tahun 1977.

Menurut angka yang di-keluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat, sa-banyak 5,195 kenderaan di-daftarkan pada tahun lalu berbanding dengan 5,865 buah tahun 1977.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 3hb hingga 7hb Feb. 1979

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Birau	3.2.1979	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	3.2.1979	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	3.2.1979	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah)	5.2.1979	Isnin	2.00- 3.00 "
Berhadapan Kedai, Kampong Perpendahan	5.2.1979	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	6.2.1979	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak	6.2.1979	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Dato Gandhi	7.2.1979	Rabu	8.30- 9.00 "
Sekolah Melayu Serasa	7.2.1979	Rabu	10.00-10.30 "
Sekolah Melayu Mentiri	7.2.1979	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	7.2.1979	Rabu	11.30-12.00 T-Hari

SENI KORBAN

Oleh:
Stewart
Wavell

MAIN CHATOR – PERMAINAN DIRAJA

Siri ke-11

MUNGKIN terlalu awal dalam siri ini untuk membincangkan satu seni yang disifatkan oleh sa-tengah2 orang sa-bagai satu bentuk permainan chator yang paling sophisticated. Strategi dan permainan hujung ada-lah lebih penting. Saya setuju. Walau pun begitu, di-kalangan anak2 muda di-Brunei, saya mendapati suatu daya penarikan untuk melakukan serangan2 korban yang memberi permainan itu suatu semarak yang abadi.

Tidak ada yang lebih baik kalau kita mulakan dengan satu permainan korban yang teragong yang pernah dimainkan antara Anderssen dengan Kieseritzky. Tempat dan masa-nya: London dalam tahun 1851.


1. B-c4 B-c5
2. B-f4 BxB
3. G-c4 M-h4 asah
4. R-f1 B-b5
5. GxB K-f6
6. K-f3 M-h6
7. B-d3 K-h5
8. K-h4 M-g5
9. K-f5! B-c6
10. B-g4 K-f6
11. T-g1! BxG
12. B-h4 M-g6
13. B-h5 M-g5
14. M-f3 K-g8
15. GxB M-f6
16. K-c3 G-c5
17. K-d5! MxB
18. G-d6!!

Puteh bertujuan untuk mat dan mengorbankan kedua-dua Tahir.

18. GxT
19. B-c5
19. MxT asah

Jalan berundur Menteri untuk bertahan telah di-pintas dan Puteh mengancam KxB asah.

20. R-c2 K-a6



Rajah 48


Kedudukan sa-lepas gerak ke-18 Puteh.

Hitam mungkin dapat menchuba G-a6 tetapi gerak Kuda itu telah membolehkan Puteh melakukan gabungan gerak yang memeranjatkan.

21. KxB asah R-d8
22. M-f6 asah! KxM
23. G-c7 mat.
Terdapat satu bentuk klasik dalam permainan ini, satu pengertian huraian matalamat, yang memperolehi-nya gelaran 'malar-hijau' satu mahkota kalangan bunga kesempurnaan! Dalam permainan itu kita telah melihat korban dua Tahir dan satu Menteri, tetapi di-atas segala2-nya kita terpaksa mengagumi penjujukan nekad Anderssen mendapatkan mat. Betapa besar pun kerugian, faedah-nya ada-lah sa-timbal jika akhir-nya awda memperoleh mat, tetapi tidak sa-balek-nya. Minggu depan saya akan membincangkan

taktik2 penyimpangan di-mana awda dengan sengaja dapat mengumpukan Menteri musuh dari kedudukan pertahanan-nya. Permainan di-atas sudah tentu merupakan satu chontoh chemerlang mengenai taktik penyimpangan!

Sekarang satu mat ringkas berdasarkan pada korban Menteri — sungguh bernilai. Di-mainkan antara King dengan Bedjanian pada tahun 1962 di-California.



Rajah 49

1. MxK!! MxM;
2. T-d8 asah, R-c7;
3. T-c8 mat.

Apabila menimbangkan kemungkinan2 yang berlainan untuk gerak sa-lanjut-nya dan merancang pelbagai penye-lingan, awda jangan pangling terhadap peluang untuk melakukan korban, jika dengan berbuat begitu awda memperoleh mat, atau akhir-nya mendapat satu Tahir atau Menteri, atau sa-mata2 untuk memeranjatkan lawan apabila ia dalam kesuntukan masa: biasa-nya ia akan bertindak-



GAMBAR atas menunjukkan Awang Stewart Wavell, Johan Chator Terbuka Kebangsaan tahun 1978 yang lalu, sempena menyambut perayaan Hari Keputeraan DYMM ke-32, sedang menerima piala rebutan dari YAM Pengiran Perdana Cheteria Laila Diraja Sahibol Nabalah Pengiran Haji Damit; sementara Awang Abdul Rahman bin Haji Matahir menyandang Johan Terbuka tahun 1977 dan Awang Anthony Chin, Johan Chator Terbuka tahun 1976.

Perlawanan2 Brunei

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Pasokan Brunei akan bermain sa-banyak 13 kali lagi dalam pertandingan Kejohanan Bolasepak Piala Malaysia. Sa-banyak tiga kali dalam bulan Februari untuk menentang Pulau Pinang, Kelantan dan Melaka.

Empat kali dalam bulan Mach untuk menentang Pahang, Johor, Negeri Sembilan dan Perak semantara lima kali dalam bulan April, menentang Trengganu, Kedah, Sara-

wak, Perlis dan Wilayah Persekutuan dan sa-kali dalam bulan Mei untuk menentang M.A. Forces.

Terdahulu dari itu, Brunei seri dengan Selangor, 5-0 dengan Sabah dan 4-0 dengan Singapura. Brunei akan berlawan dengan Pulau Pinang pada 13hb Februari depan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan dan perlawanan dengan Kelantan dan Melaka bertempat di-negeri itu masing2.

Rentas Desa antara Sekolah2 Rendah, Me. Bawah, Me. Atas

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Pertandingan Rentas Desa antara Sekolah2 Rendah, Sekolah2 Menengah Bawah dan Sekolah2 Menengah Atas, seluruh negeri akan di-mulakan pada 19hb Februari tahun ini dan akan berakhir pada 31hb Mach.

Borag2 Pendaftaran bagi sekolah2 bahagian Daerah Belait, Tutong dan Temburong boleh di-dapati dari Pejabat Pelajaran daerah masing2; sementara sekolah2 bahagian Daerah Brunei/Muara, boleh di-dapati di-Pejabat Pelajaran Bahagian Pendidikan Jasmani, Brunei No. E13,

Jalan Sekolah, sini. Pendaftaran hendak-lah di-hantar ka-Pusat2 Pentadbiran, tidak lewat pada 3hb Februari, 1979. Pendaftaran yang terlewat samada kelewatan pos atau sa-bagai-nya tidak akan di-layan.

Ada-lah juga di-fahamkan bahawa sekolah2 yang menjadi Pusat Pentadbiran akan menjadi tuan rumah pertandingan tersebut.

DE-SEBELAH kanan, menunjukkan jadual pertandingan Rentas Desa tahun ini yang di-keluarkan oleh Jabatan Pelajaran, Bahagian Pendidikan Jasmani, yang telah di-edarkan kepada sekolah2 seluruh negeri Brunei.

MASAALAH 8



Rajah 50

Mendesak Hitam menyera-kalah pada gerak kedua. Di-mainkan antara Muffang dengan Devos di-Paris pada tahun 1948.

TARIKH2 PENUTUP PENDAFTARAN DAN SEKOLAH PUSAT PENTADBIRAN

Bil.	Jenis Permainan	Jenis Sekolah	Kumpulan		Tarikh Tutup Pendaftaran	Daerah/Bahagian	Pusat Pentadbiran	Tarikh Selesai Pertandingan	
			L	P				Daerah	Negeri
1.	Rentas Desa	Rendah	1	1	Sabtu 3hb Feb.	Brunei I	SM. Datu Ahmad b. Pinggai Ayer	Is. 19.2.1979	
						Brunei II	SM. Delima I	Sel. 20.2.1979	
						Brunei III	SM. P. Murai	Sb. 24.2.1979	
						Temburong	SM. Puni	Sel. 27.2.1979	Tutong
						Tutong I	SM. Kg. Menengah	Kh. 22.2.1979	Sabtu
						Tutong II	SM. Lubok Pulau	Is. 26.2.1979	31.3.1979
		Menengah Bawah	ABC	AB	Sabtu 3hb Feb.	Belait	SM. Muhd. Alam	Rb. 21.2.1979	
						Brunei	SMM/ SMJA	Kh. 8.3.1979	
						Temburong	Satu Pentadbiran Dengan Rendah	Sel. 27.2.1979	
						Tutong	SMM. Muda Hashim	Is. 5.3.1979	
						Belait	SIPW	Sb. 3.3.1979	
		Menengah Atas	1	1	Sabtu 3hb Feb.	Sa-Negeri	Pejabat Pelajaran Bhg. Pen. Jasmani	Terus Perengkat Negeri	

6. The Government does not bind itself to accept the lowest

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

JAWATAN2 KOSONG DI-JABATAN PERTANIAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Pertanian, Brunei.

1. PEMBANTU MAKMAL :

Kelayakan2 dan Pengalaman :

- Chalon2 (lelaki atau perempuan) hendaklah sebaik2-nya mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan dengan mendapat kelulusan dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab, Fiziks dan Kimia. Pertimbangan akan di-beri kepada chalon2 yang mempunyai Sijil 'Am Pelajaran Brunei Cambridge (Perengkat Biasa) dengan mendapat kepujian dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab, Fiziks dan Kimia.
- Mesti-lah boleh bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB. 5 — \$625-657-689-720-752-784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PEMBANTU PERLADANGAN :

Kelayakan2 dan Pengalaman :

Sa-orang chalon yang berpengalaman di-kehendaki untuk membantu dalam kerja2 penyiakan dan pengajaran pelah2 pertanian di-Pusat Latihan Pertanian Sinait. Chalon2 hendaklah mempunyai sekurang2-nya 10-15 tahun pengalaman berkebun.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB. 3-4 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542-561 /EB/ 625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982-1007.

3. PEGAWAI PERUSAHAAN KAMPONG :

Kelayakan2 dan Pengalaman :

Chalon2 mesti-lah perempuan dan berumur lebih dari 18 tahun. Mereka hendaklah lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya dan faham menulis dan bertutur dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Mereka akan di-beri latihan dalam perkhidmatan.

Tugas2 :

Chalon2 yang di-pilih mesti-lah sanggup pergi dan bekerja di-kawasan2 luar bandar, dan akan mengajar kaum wanita chara2 masakan, kebersihan, menjaga anak2 damit, kraftangan, membuat jerok, tanaman sayur2an dan ternakan.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB. 3-4 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542-561 /EB/ 625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982-1007. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

4. PENOLONG PENGURUS LADANG :

Kelayakan2 dan Pengalaman :
Chalon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan faham menulis dan bertutur dalam bahasa Melayu. Kebolehan bertutur dalam bahasa Inggeris serta pengetahuan berladang merupakan suatu kelebihan.

Tugas2 :

Di-kehendaki membantu Pengurus Ladang, Pusat Latihan Pertanian Sinait dalam semua aspek pengurusan ladang.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB. 3-4-5 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542-561 /EB/ 625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982-1007-1046-1071-1097-1122.

5. PEMERIKSA DAGING :

Kelayakan2 dan Pengalaman :
Keutamaan akan di-beri kepada chalon2 yang telah mencapai Tingkatan V dan lulus mata-pelajaran2 sains di-perengkat biasa.

Tugas2 :

Memeriksa daging di-tempat2 sembelah. Latihan akan di-beri.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542-561-625-657-689-720-752 - 784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

6. PEMERIKSA TERNAKAN :

Kelayakan2 dan Pengalaman :
Chalon2 yang berkelulusan pelajaran 'am yang baik, sebaik2-nya hingga ka-perengkat Tingkatan V, ada-lah di-kehendaki.

daki. Keutamaan akan di-beri kepada chalon2 yang lulus mata-pelajaran2 sains di-perengkat S.A.P.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB. 3-4 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542-561 /EB/ 625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982-1007.

7. PEMERIKSA LUAR PERTANIAN :

Kelayakan2 dan Pengalaman :
Chalon2 yang berkelulusan pelajaran 'am yang baik, sebaik2-nya hingga ka-perengkat Tingkatan V, ada-lah di-kehendaki. Keutamaan akan di-beri kepada chalon2 yang lulus mata-pelajaran2 sains di-perengkat S.A.P.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB. 3-4 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542-561 /EB/ 625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982-1007.

8. PEMBANTU MAKMAL RENDAH :

Kelayakan2 dan Pengalaman :
Chalon2 (lelaki dan perempuan) hendaklah lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dan faham menulis dan bertutur dalam bahasa Melayu.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB. 3-4 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542-561 /EB/ 625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982-1007.

9. PEMANDU TINGKAT II :

Kelayakan2 dan Pengalaman :
Berpengalaman memandu sekurang2-nya selama lima tahun serta mempunyai rekod memandu yang selamat bagi tempoh tersebut. Mempunyai lesen bagi kenderaan berat atau trekter pertanian merupakan satu kelebihan.

Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — \$357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/ 414-427-440.

10. JURU JENTERA TINGKAT II :

Kelayakan2 dan Pengalaman :
Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Sekolah Melayu dan mempunyai tiga tahun pengalaman dalam kerja2 mekanik dengan sa-sesuai bengkel yang besar.

Gaji :

Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — \$357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/ 414-427-440.

11. PENJALAN ALATAN TETAP :

Kelayakan2 dan Pengalaman :
Sebaik2-nya berpengalaman mekanik. Pengetahuan mengendalikan pam2 ayer ada-lah suatu kelebihan. Latihan akan di-beri kepada chalon2 yang mempunyai pengalaman asas bekerja di-bengkel.

Gaji :

Dalam sukatan gaji F. 2-3-4 EB. 5 — \$332-338-344-351-357-363-370-376-383-389-395 - 402-408 /EB/ 414-427-440.

12. JURU JENTERA PERCHUBAAN :

Kelayakan2 dan Pengalaman :
Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 17 hingga 22 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan I atau yang sebanding dengan-nya. Pemohon2 yang berjaya mesti-lah sanggup ke-luar menjalankan tugas dan mengikut kursus2 pengajaran bila2 masa di-kehendaki.

Gaji :

Dalam sukatan gaji F. 1-2 EB. 3 — \$306-312-319-325-332-

338-344-351 /EB/ 357-363-370-376-383.

13. MANDOR :

Kelayakan2 dan Pengalaman :
Mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman di-steshen atau ladang pertanian. Pengalaman mengawas pekerja2 bu-roh ada-lah suatu kelebihan.

Gaji :

Dalam sukatan gaji F. 2-3-4 EB. 5 — \$332-338-344-351-357-363-370-376-383-389-395 - 402-408 /EB/ 414-427-440.

14. PEMANDU OUTBOARD TINGKAT II :

Kelayakan2 dan Pengalaman :
Mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman sa-bagai pemandu outboard. Pengetahuan menyelenggara injin2 moto-sangkut merupakan suatu kelebihan.

Gaji :

Dalam sukatan gaji F. 2-3-4 EB. 5 — \$332-338-344-351-357-363-370-376-383-389-395 - 402-408 /EB/ 414-427-440.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan bo-rang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 1hb Mach, 1979.

(E/255/73 — Bil: 1/1979)

P.W.D. TENDER NOTICES

No. 5 OF 1979

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th February, 1979 for :—

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO THE JALAN KAMPONG BAKIAU AND JALAN BIRAU, TUTONG DISTRICT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 6 OF 1979

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th February, 1979 for :—

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO JALAN BUKIT PANGGAL, TUTONG DISTRICT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 7 OF 1979

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th February, 1979 for :—

REPAIRS AND RE-PAINTING TO PEHIN DATO JAMIL PRIMARY SCHOOL, KAMPONG SETIA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 8 OF 1979

TENDERS will be received from Class "C" and above

KENYATAAN2 PEGAWAI WARITH

SURAT KUASA PESAKA No. 1/1979

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Loo Jee Jong, d/a Lot No. 4401, Jalan Jaya Negara, Kuala Belait kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Chong Jun Hin yang telah meninggal dunia di-Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

No. 2/1979

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Siti Zauyah binte Tarang, d/a No. 118, Kampung Sungai Liang, Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Tarang bin Buntol yang telah meninggal dunia di-Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak perempuan kepada si-mati.

No. 3/1979

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Salam bte Omarali, d/a No. 296, Jalan Maharaja Anak-d, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh O.K.I.N. Awang Jara bin O.K.S.M. Awang Gador yang telah meninggal dunia di-Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

No. 4/1979

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Zenot binte Sulaiman, d/a No. 116, Jalan Panglima, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Sulaiman bin Mujun yang telah meninggal dunia di-Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon

hon ia-lah anak perempuan kepada si-mati.

No. 5/1979

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Tishah binte Wahid, d/a Ajamin bin Md. Said, Pejabat Kehutanan, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Wahid bin Murah yang telah meninggal dunia di-Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak perempuan kepada si-mati.

No. 6/1979

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Mumin bin Awe Haji Bakar, d/a No. 3278, Jalan Setia Pahlawan, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Tengah binte Mustapha yang telah meninggal dunia di-Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan2 di-beri bahawa permohonan2 di-atakan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 1 haribulan Februari, 1979, jam 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendaklah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

CHARLIE FOO
Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

FIRE BRIGADE STAFF HOUSING AREA AT INTERNATIONAL AIRPORT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 12 OF 1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 13th February, 1979 for :—

SUPPLY OF ROAD MARKING PAINT TO P.W.D. BRUNEI FOR A PERIOD OF ONE YEAR. Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 13 OF 1979

FRESH Tenders will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 13th February, 1979 for :—

WIDENING SUNGAI TAJAU IN VICINITY OF KAMPONG PANCHOR MURAI OVER A LENGTH OF APPROXIMATELY 4,000 FEET USING A DRAG LINE EXCAVATOR. Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 14 OF 1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 13th February, 1979 for :—

PURCHASE AND REMOVAL OF PWD METAL AT BERAKAS DEPOT, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

DEPARTMENT OF AGRICULTURE TENDER NOTICES

TENDERS are invited for the supply of the following machines to the Department of Agriculture Brunei—

25 units Power tillers, Yanmar YZ8N or equivalent of the following specifications,

- 8-10 HP water cooled Diesel engine.
- Fitted with rotary hoe suitable for wet or dry cultivations.
- Supplied with tail skid.
- Supplied with 2 cage wheels not less than 16" wide.
- Fitted with quick change rotary hoe system.
- Each unit to be supplied complete with one two sided ridging plough body.

2. Tenders should give detailed prices for all the above delivered to the Department of Agriculture Workshop Mile 9 1/2 Jalan Tutong and should confirm that spares will be kept available in Brunei. Tenders should specify date of delivery.

3. Tenders should be submitted under sealed cover marked "Department of Agriculture Power tillers" — Confidential" to the Secretary Brunei State Tenders Board not later than noon on Thursday 15th February, 1979.

4. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

SUPPLY OF POWER TILLERS

TENDERS are invited for the supply of the following machines to the Department of Agriculture Brunei—

25 units two wheel trailers each with a carrying capacity of 10/15 wt for use with 8.10 HP 2 wheel Power Tillers of Yanmar YZ8N or similar make. Trailers to be fitted with new tyres and suitable attachment drawbar.

2. Tenders should give detailed prices for all the above delivered to the Department of Agriculture Workshop Mile 9 1/2 Jalan Tutong and should confirm that spares will be kept available in Brunei. Tenders should specify date of delivery.

3. Tenders should be submitted under sealed cover marked "Department of Agriculture Power tillers" — Confidential" to the Secretary Brunei State Tenders Board not later than noon on Thursday 15th February, 1979.

4. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN
 DI-JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

1. KETUA PEMBANTU TEKNIK :

Kelayakan2 dan Pengalaman :

a) Mesti-lah mempunyai Higher National Diploma dalam Kejuruteraan Awam dari Maktab yang diiktiraf atau mana2 yang sebanding dengan-nya.

b) Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 6 tahun pengalaman dalam salah satu atau lebih dari chawangan2 berikut:—

Kejuruteraan Awam; Kerja2 Bangunan; Ukur Bahan; Kerja2 Mekanik Jentera; Kerja2 Awer dari atau Parit dan Tali Awer; Pembinaan (Structural); Kerja2 Saloran Najis dan Kerja2 Jalanraya.

Gaji :

Dalam sukatan gaji C.3-4 EB.5—B\$1479-1530-1581-1632-1683-1734 - 1785 - 1836 - 1887 - 1938/EB/1989-2040-2091-2142-2193. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

2. KETUA TUKANG PELAN :

Kelayakan2 dan Pengalaman :

a) Berumur di-antara 36

hingga 50 tahun.

b) Mempunyai sekurang2-nya Sijil 'Am Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya serta mempunyai kelayakan2 dan pengalaman seperti berikut:—

i. Diploma in Draughtsmanship dari Maktab Teknikal yang diiktiraf atau yang sebanding dengan-nya serta mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman bekerja di-Pejabat Akitek Berdaftar dalam kerja2 bangunan 'am dan sekurang2-nya tiga tahun daripada tempoh ini sebagai Tukang Pelan Kanan.

ATAU

ii. Sijil kelulusan Bahagian I dalam peperiksaan R.I.B.A. atau yang sebanding dengan-nya serta mempunyai pengalaman sekurang2-nya 5 tahun dalam kerja2 yang bertanggung jawab terutama-nya membuat lukisan2 kerja di-Pejabat Akitek Berdaftar.

ATAU

iii. Pegawai2 yang sedang

berkhidmat yang tidak mempunyai kelayakan tersebut di-atas tetapi telah memegang jawatan Tukang Pelan Kanan sekurang2-nya 15 tahun dan mempunyai kebolehan yang istimewa dalam melaksanakan tugas2 mereka akan juga dipertimbangkan.

Gaji :

Dalam sukatan gaji C.3-4 EB.5—B\$1479-1530-1581-1632-1683-1734 - 1785 - 1836 - 1887 - 1938/EB/1989-2040-2091-2142-2193. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PEMBANTU TEKNIK KANAN :

Kelayakan2 dan Pengalaman :

a) Berumur di-antara 25 hingga 55 tahun.

b) Mempunyai Higher National Diploma dari Maktab Teknikal yang diiktiraf atau City and Guilds Final Certificate dalam mata pelajaran2 yang berkenaan atau mempunyai kelulusan yang diiktiraf sebanding dengan-nya.

c) Mempunyai sekurang2-nya 4 tahun pengalaman praktikal dalam salah satu atau lebih daripada lapangan2 berikut: Kejuruteraan Awam; Bangunan; Mengukur Bahan Kerja2 Awer dan/atau Parit2 dan Tali Awer; Kerja2 Saloran Najis; Kerja2 Mekanik Jentera; Kerja2 Pembinaan (Structural) dan Kerja2 Pembinaan dan Pemeliharaan Jalanraya.

Gaji :

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3—B\$1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

4. TUKANG PELAN KANAN :

Kelayakan2 dan Pengalaman :

a) Mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan atau kelulusan yang sebanding dengan-nya dan Higher National Diploma in Draughtsmanship dari Maktab Teknikal yang diiktiraf atau Intermediate R.I.B.A. atau lain2 kelulusan yang sebanding dengan-nya.

b) Mempunyai 6 tahun pengalaman dalam kerja2 melukis pelan di-Pejabat Chartered Akitek atau Jurutera.

c) Mesti-lah boleh menyediakan pelan2 dan ukuran2 yang lengkap dari lukisan2 kasar (dimensional sketches).

Gaji :

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3—B\$1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan :

Mereka yang bukan terdiri dari rakyat Brunei akan ditawarkan kontrak sa-lama tiga tahun dengan kadar bakis sabanvak 25% daripada gaji setelah genap menamatkan tempoh kontrak.

Mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb Mach, 1979.

(E/162/73 — Bil: 2/1979)

Penyelenggara Setor Tingkatan II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan II di-Chawangan Laut, Pasokan Pulis Diraja Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman :

Mesti-lah mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam chara2 memperoleh dan menyimpan alat2 ganti jentera laut. Membentuk satu Sistem Kawalan Barang2 Setor yang baik dan menyimpan kira2 serta rekod dalam bahagian-nya.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D.2 EB.3-4—\$446-465-485-504-523-542-561/EB/657-689-720-752-784 - 854-880-905-931-956-982-1007.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb Februari, 1979.

(E/1897/77 — Bil. 148/1978)

TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received from P.W.D. registered Class "AX" and above Contractors by the Tenders Board, at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon on Tuesday 27th February 1979 for the:—

COMPLETION OF PARTIALLY COMPLETED GIRLS' HOSTEL BLOCK FOR BRUNEI TEACHERS' TRAINING COLLEGE, GADONG.

2. Tenders received after 12.00 noon Tuesday 27th February 1979 will be rejected.

3. Tender documents including Bills of Quantities may be collected from the Office of BCP Partnership, Quantity Surveyors and Construction Cost Consultants, 201 (1st Floor) Shophouse Complex, Mile 14, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, from 3rd February 1979 during normal office hours on payment of a Deposit of \$300.00 to the Office of the Public Works Department, Bandar Seri Begawan.

An amount of \$200.00 will be refunded to the Tenderers who submitted a bona fide tender and the balance of \$100.00 will be refunded to Tenderers who return all drawings within two weeks after closing of Tenders.

4. Tenders shall be submitted only on the Forms of Tender provided and enclosed in envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name or address of the tenderer on the envelopes.

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER NOTICE

INDUSTRIAL LIFT INSTALLATION OF PROPOSED MISCELLANEOUS ADDITIONS AND ALTERATIONS TO FLOTILLA BASE, MUARA (PHASE I)

TENDERS will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from registered contractors Class "A" only up to 12.00 noon, 20th February 1979 for:—

INDUSTRIAL LIFT INSTALLATION OF PROPOSED MISCELLANEOUS ADDITIONS AND ALTERATIONS TO FLOTILLA BASE, MUARA (PHASE I)

Tender document can be obtained from the office of Messrs Associated Consultants Private Limited, Rooms 27-29, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 24th January 1979 onwards during normal office hours on payment of a Tender Deposit of B\$400.00 which will be refundable to all unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all documents and drawings.

Tender must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of The Chairman, Brunei Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon, 20th February 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope marked:—

"TENDER FOR INDUSTRIAL LIFT INSTALLATION OF PROPOSED MISCELLANEOUS ADDITIONS AND ALTERATIONS TO FLOTILLA BASE, MUARA (PHASE I)"

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

NOTIS TAWARAN

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Setia Usaha Kerajaan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari Selasa 13hb Februari, 1979 untuk:—

MENYEWAKAN, MENGURUS DAN MENJALANKAN PERKHIDMATAN KANTIN PELABOHAN, PELABOHAN MUARA, BRUNEI DALAM JANGKA MASA DUA TAHUN.

2. Tawaran2 mesti-lah dimasukkan di-dalam sampul surat yang kosong serta di-'seal' dan nama penawar tidak-lah perlu di-nyatakan di-luar tersebut. Sampul2 surat hendak-lah di-tanda "Tawaran bagi Kantin Pelabohan Muara".

3. Tawaran2 mesti-lah di-alamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran sebagai-ma-

na alamat yang di-sebut di-atas. Bayaran pendahuluan sebanyak B\$500.00 ada-lah di-kehendak di-bayar kepada Perbendaharaan, Brunei.

4. Keterangan2 yang penoh mengenai Kantin di-Pelabohan Muara termasuk tempat tinggal, perabot2 dan perkakas2 yang ada sedia, sharat2 dan perjanjian2 untuk menyewa dan mengurus dan borang2 tawaran boleh di-dapati daripada Pejabat Pengawal Pelabohan2, Jabatan Pelabohan2, Pelabohan Muara, Brunei sama ada melalui pos atau permohonan persendirian. Pemereksaan kawasan Kantin boleh di-buat bila2 masa pada jam bekerja yang biasa bila di-kehendak dengan di-atorkan oleh Jabatan Pelabohan2.

5. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran2 yang rendah sekali atau sebarang tawaran.

Jawatan2 Kosong Bergaji Hari

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk memenohi jawatan2 kosong bergaji hari dalam Jabatan2 Kerajaan dan bergaji bulan di-Sektor Swasta.

MAJIKAN	JAWATAN	GAJI
1. Pejabat Pelajaran	Pekerja Buroh	\$11.40
1. MMPSBS, Jalan Muara	4 kosong	
2. S.M. Anggerek Desa	1 kosong	
2. Pejabat Pengangkutan Darat, Jalan Gadong	Pekerja Buroh	\$11.40
3. Borneo Company (B) Ltd., BSB, Brunei	2 kosong	
	Setia Usaha Sulit	\$600
	1 kosong	
	Kerani	\$300
4. Champion Motor (B) Ltd.	3 kosong	
	Setia Usaha	\$500
	1 kosong	
	Sales Representative	\$300 + 2% komisin
5. Boustead Trading (S) Pte Ltd	Motor Salesmen/ Salesgirls	\$275 + komisin
Jalan Gadong, Brunei	Workshop Service Receptionist	\$300-\$745
	Motor Mechanic	\$250-\$745
6. Jetsin Limited	Salesgirls	\$200
Jalan Chevalier, BSB, Brunei	6 kosong	
7. Chop Teo Hiang Hing, Kuala Belait		

Kapada pemohon2 yang ingin untuk memenohi jawatan2 yang tersebut di-atas ada-lah dengan ini di-pelawa hadir ka-Pejabat Buroh, Bandar Seri Begawan/Kuala Belait, Brunei dengan segera-nya dengan membawa bersama2 mereka Kad Pengenalan, Lesen Memandu Kereta yang sah, Sijil2 Persekolahan untuk rujukan.

TENDER NOTICE

ELECTRICAL INSTALLATION OF ARMY WORKS, SERIA

TENDERS will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from Registered Electrical Contractors Class "A & B" only up to 12.00 noon, 20th February 1979 for:—

ELECTRICAL INSTALLATION OF ARMY WORKS, SERIA.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants Rooms 27-29, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 25th January 1979 onwards during normal office hours on payment of a Tender Deposit of B\$200.00 which will be refundable to all unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all documents and drawings.

Tender must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of The Chairman, Brunei Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon, 20th February 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope marked:—

"TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION OF ARMY WORKS, SERIA"

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

TENDER NOTICE

CONSTRUCTION AND COMPLETION OF BINTURAN RANGES

TENDERS are invited from Public Works Department registered Class "A" Contractors for construction and completion of BINTURAN RANGES.

Tender documents will be issued to Contractor from Wednesday 17th January 1979 onwards at the office of M/s Associated Consultants (Pte) Limited, Rooms 27 & 28 Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan during working hours upon receipt of:—

(a) A tender document deposit of B\$500.00 and

(b) A letter from a locally registered Bank giving an undertaking to issue a Banker's Guarantee for the Performance Bond to the value of B\$1,000,000.00 (Brunei Dollars One Million only) to the tenderer if the tenderer is successful in the tender.

The documents deposit will be refundable to all tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have returned all documents and drawings.

The tender documents all properly filled in and signed shall be enclosed in a sealed envelope addressed to the Chairman, Tenders Board, Brunei and prominently marked on the top left hand corner:—

Tender for construction and completion of: BINTURAN RANGES and deliver to reach: The Chairman, Tenders Board, Brunei, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon, on Tuesday 13th February 1979.

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Brunei at the office of the State Financial Officer, State Secretariat, Brunei up to 12 noon on Tuesday, 13th February, 1979 for:—


THE RENT, MANAGEMENT AND OPERATION OF THE PORT CANTEN, MUARA PORT, BRUNEI FOR A PERIOD OF TWO YEARS.

2. Tenders must be placed in a plain sealed envelope with no indication on the cover of the name of the tenderer. Envelopes are to be marked "Tender for Muara Port Canteen".

3. Tenders must be addressed to the Chairman, Tenders Board at the address given above. A tender deposit of B\$500.00 is payable to the Treasury, Brunei.

4. Full particulars of the Canteen at Muara Port including accommodation, furniture and equipment provided, terms and conditions for rental and management, and tender forms may be obtained from the office of the Controller of Ports, Ports Department, Muara Port, Brunei either by post or personal application. Inspection of the Canteen premises may be made at any time during normal working hours by arrangement with the Ports Department.

5. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.



Ini-lah dia rangka kasar Masjid Kampong Burong Pingai Ayer yang di-gambar dari pelan asal atas chsan Bahagian Bangunan, Jabatan Kerja Raya.

Pelabohan Muara alami kesebukan

MUARA. — Lebeh banyak lagi kapal singgah di-Pelabohan Muara. Menurut perangkaan yang di-keluarkan oleh pehak berkuasa pelabohan menunjokkan bahawa sa-banyak 489 buah kapal telah singgah di-Pelabohan Muara dalam tahun lalu ia-itu tambahan sa-banyak 39 buah kapal berbanding dengan tahun 1977.

Dalam tahun 1977 sa-jumlah 320,000 tan barang2 telah di-punggah di-pelabohan itu. Jumlah barang2 bagi tempoh yang sama dalam tahun lalu ialah 377,000 tan. Ogos ada-lah merupakan bulan yang paling sibuk di-mana sa-banyak 43 buah kapal yang membawa sa-banyak 39,200 tan barang2 singgah di-pelabohan Muara. Bilangan kapal dan jumlah barang2 yang di-punggah di-jangka akan bertambah dalam tahun ini atas sebab bertambahnya kemudahan2 di-pelabohan itu serta bertambahnya bilangan penduduk di-Brunei. Kapal2 tersebut kebanyakannya datang dari Singapura, Hongkong dan Filipina dengan membawa muatan seperti barang2 makanan, kain, peralatan mesin, bahan2 pembangunan dan kenderaan.

Bagi memperbaiki kemudahan2 tersebut dan melicinkan perkhidmatan di-pelabohan itu kerajaan telah memperuntokan wang sa-banyak \$1.2 juta bagi pembenaan sa-buah gudang sementara yang berukuran 180 kaki panjang dan 105 kaki lebar di-pelabohan itu. Kerajaan telah juga memperuntokan \$200,000.00 bagi membiayai pembenaan sa-buah kawasan letak kereta. Sa-lain dari itu dua buah kereta fork lift dan dua buah unit truck awet juga akan ditambah bagi kemudahan2 pelabohan tersebut. Kini gudang sementara yang ada sekarang telah di-luaskan kepada 90 kaki lagi.

Lebeh 25,000 akan sertai perarakan Maulud

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanah Bolikah Mu'izzaddin Waddaulah di-jangka akan merasmikan perarakan raksaksa Maulud Nabi Muhammad s.a.w. tahun Hijrah, 1399 pada hari Sabtu 10hb Februari depan.

Perarakan raksaksa yang akan di-adakan di-ibu negeri itu juga di-jangka akan di-sertai oleh lebeh 25,000 orang dari lebeh 110 buah pasokan yang terdiri dari penuntut2 dan murid2 sekolah, belia2, pegawai2 dan kaki-tangan Kerajaan.

Para peserta perarakan itu akan mula bergerak dari Padang Besar di-ibu negeri melalui Jalan Stoney, Jalan Sekolah, Jalan Kianggeh, Jalan McArthur dan kembali ka-padang.

Thema perarakan maulud tahun ini ia-lah "BERBAKTI KEPADA NEGARA KERANA ALLAH".

Sementara itu perarakan yang sama akan juga di-adakan pada hari itu bagi Daerah Belait dalam mana kira2 4,000 orang akan menyertai yang terdiri dari 57 buah pasokan.

Yang Teramat Berhormat Pe-

hin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Isa, Penasehat Umom Kebawah DYMM di-jangka akan mengepalai perarakan tersebut.

Perarakan itu akan bermula dari padang KBRC di-Kuala Belait melalui Jalan Nakhoda Ragam terus ka-Jalan Binjai dan kembali ka-padang KBRC.

Bagi Daerah Tutong dan Temburong perarakan akan di-adakan pada 18hb Februari.

Di-Daerah Tutong ia-nya akan di-langsungkan di-padang Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Nor'ain dan tidak lagi di-padang SM Muda Hashim. Bagaimana pun semua pasokan yang akan mengambil bahagian dalam perarakan itu akan berjalan dari Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Nor'ain menuju dan mengelilingi padang SM Muda Hashim dan kembali ka-tempat bermula. Dengan ini jalan2 yang di-lalui oleh perarakan seperti tahun lalu telah diubah dengan tidak melalui lagi jalan utama Belait-Bandar Seri Begawan.

Manakala di-Daerah Temburong, perarakan akan di-langsungkan pada tempat yang sama seperti tahun lalu di-

Kes jenayah bertambah

Dari muka 1

Antara jenis jenayah yang lain, lima pembunuhan di-lakukan tahun lalu, berbanding dengan dua dalam tahun 1977 dan empat kes perasuget berbanding dengan tidak satu pun dalam tahun 1977. Dan empat kes rogol pada tahun lalu. Kes ini tidak berlaku dalam tahun 1977. Kejadian2 pechah rumah telah turun kepada 123, tetapi kejadian

churi meningkat kepada 441. Kesalahan2 judi turun dari 95 kepada 85, tetapi bilangan orang2 berjudi yang di-tangkap bertambah dari 176 hingga 302.

Bilangan laporan yang di-buat kepada pehak polis bertambah dari 6,000 kepada 7,350, walau pun kebanyakkan laporan itu melibatkan kehilangan kad2 pengenalan dan dokumen2 lain.

MASJID PERTAMA DI-KG. AYER

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Masjid pertama di-Kampung Ayer akan di-bena tidak berapa lama lagi. Bagaimanapun ia-nya bukan-lah untuk keseluruhan penduduk2 Islam di-situ kerana masjid itu tidak mungkin dapat memuat bilangan penduduk-nya yang begitu besar.

Masjid itu hanya-lah untuk menunaikan kehendak2 penduduk2 di-Kampung Burong Pingai Ayer yang mungkin merasa sulit kerana letak-nya jauh dari Masjid Omar Ali Saifuddin dan juga kesulitan pengangkutan. Di-kampung itu-lah masjid tersebut akan di-dirikan. Dengan terdiri-nya masjid

itu nanti, sekurang2-nya ia dapat mengurangkan masalah kesesakan di-Masjid Omar Ali Saifuddin yang sering berlaku pada sa-tiap menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, lebeh2 lagi ketika sembahyang Hari Raya Fitriah dan Hari Raya Haji.

Sa-bilangan besar jemaah yang mengisikan Masjid Omar Ali Saifuddin ada-lah penduduk2 di-sekitar Kampung Ayer. Maka itu, besar kemungkinan yang di-Kampung Ayer akan di-dirikan beberapa buah masjid lagi terutama-nya di-kawasan2 perkampungan yang berpenduduk sesak dan menghampiri kesulitan pengangkutan serta sering mengadakan kegiatan2 keugamaan.

Bagi pembenaan Masjid Kampung Burong Pingai Ayer itu, Jabatan Kerja Raya yang mengendalikan perlaksanaannya telah pun mengeluarkan tawaran kepada pemborong2 dan tawaran itu telah pun di-tutup pada 30hb Januari (semalam).

Pemborong mana-kah yang akan mengusahakan kerja2 pembenaan itu dan berapa perbelanjaan-nya, akan di-ketahui tidak lama lagi.

Pelita di-fahamkan bahawa masjid itu hanya boleh memuat sa-ramai 200 orang dan ia di-bena sa-chara sederhana sahaja.

Pegawai2 Rendah K'jaan sa-bagai urat nadi pentadbiran

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Yang Berhormat Awang Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid, menasehatkan kepada ahli2 Kesatuan Pegawai2 Rendah Kerajaan supaya berusaha untuk mengubah sikap menajid diri mereka itu sentiasa chekap dan chergas bagi melaksanakan sesuatu tugas yang di-amanahkan.

Pegawai2 Rendah Kerajaan, tambah beliau ada-lah sa-bahagian daripada kaki-tangan Kerajaan yang menjadi urat nadi kepada pentadbiran.

Ini tegas Yang Berhormat itu, bersesuaian dengan kehendak titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bahawa untuk menyambut kemerdekaan yang akan di-chapai dalam tahun 1983 itu, perlu-lah kita bersedia dari sekarang dengan tidak kendor2-nya.

"Jangan-lah hendak-nya kita menunggu masa yang di-nanti2-kan itu sahaja tetapi yang lebeh perlu kita bersedia untuk mencheapkan segala tugas2 kita supaya apabila sampai masa-nya akan dapat di-jalan-

kan dengan lebeh lichen dan semporna tanpa berharapkan orang lain", jelas-nya.

Ketika merasmikan Mashuarat Agong Tahunan Kesatuan Pegawai2 Rendah Kerajaan, yang telah di-langsungkan di-Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini Isnin lepas, Yang Berhormat Awang Abdul Latif juga menyatakan bahawa tiap2 satu jawatan yang di-berikan kepada kita itu bukan-lah di-katakan yang kita itu sa-orang yang bernasib baik — tetapi yang penting ia-lah tanggung-jawab akan dapat di-jalankan dengan sempurna dan titah perintah yang telah di-atorkan itu hendak-lah kita buat tanpa menunggu arahan berkali2.

Terdahulu dari itu, Yang Berhormat Awang Abdul Latif melahirkan harapan-nya agar Mashuarat Agong Kesatuan Pegawai2 Rendah Kerajaan kali ke-9 itu bukan sahaja akan dapat memperbaiki susunan pentadbiran-nya tetapi ia-nya juga di-hasratkan untuk menganjurkan beberapa aspek perkembangan dan rancangan2 untuk melayakkan ahli2-nya dengan jawatan2 yang telah di-tugaskan kepada mereka itu.